# LAPORAN AKTIVITI KELAB/PERSATUAN
# SESI OKT 2024 – FEB 2025

| No. | PERKARA | JUMLAH | PERATUSAN |
|---|---|---|---|
| 1 | KESELURUHAN PROGRAM YANG DIMOHON DALAM KW3P | 296 | 100% |
| 2 | PROGRAM SUDAH DILAKSANAKAN | 253 | 85.47% |
| 3 | PROGRAM BATAL | 43 | 17% |
| 4 | HANTAR LAPORAN | 231 | 91.30% |
| 5 | ANTARABANGSA | 7 | 2.77% |

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# ENTREPRENEUR PATH : MENITI IMPIAN








Program Entrepreneur Path: Meniti Impian yang berlangsung pada 5 November 2024 (Selasa) bertempat di HRDA. Seramai 165 orang peserta terutamanya dari pelajar ENT530 dan termasuk 32 orang ahli jawatankuasa program dari dua buah kelab iaitu Kelab 3K dan Enactus. Tujuan program ini adalah untuk menarik minat para mahasiswa untuk menceburi bidang keusahawanan dan memberikan impak serta kerjasama yang baik dengan pihak luar.





BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PROGRAM MINGGU EDU 5.0 ACIS








SINOPSIS PROGRAM

Program Minggu EDU 5.0, ACIS merupakan program anjuran Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) dengan kerjasama Association of Muamalat Studies (ATLAS) yang akan berlangsung pada 16 Oktober 2024, bertempat di HRD/A, UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang. Program ini dijalankan untuk memberi pendedahan awal tentang ACIS dan juga merupakan satu inisiatif dalam usaha mengeratkan hubungan mahasiswa baru dengan mahasiswa lain dan juga pensyarah ACIS.





BULETIN

ASSOCIATION OF MUAMALAT STUDIES (ATLAS)

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# OPTIMIZING PROFESSIONAL PROFILE: LEVERAGING LINKEDIN








**PROGRAM *OPTIMIZING PROFESSIONAL PROFILE: LEVERAGING LINKEDIN* ANJURAN *ASSOCIATION OF MUAMALAT STUDIES* (ATLAS) TELAH DIADAKAN PADA 2 NOVEMBER 2024, DARI PUKUL 9 PAGI HINGGA 12 TENGAH HARI, BERTEMPAT DI AUD300, UITM CAWANGAN KELANTAN, KAMPUS MACHANG. PROGRAM INI MENAMPILKAN CIK ARSHADA NADIA, *MAYBANK STUDENT AMBASSADOR* SEBAGAI PENCERAMAH JEMPUTAN. TUJUAN PROGRAM INI DIADAKAN ADALAH UNTUK MEMBERI PENDEDAHAN KEPADA MAHASISWA UITM CAWANGAN KELANTAN TENTANG CARA MENGGUNAKAN LINKEDIN SECARA BERKESAN SEBAGAI PLATFORM RANGKAIAN PROFESIONAL UNTUK MENINGKATKAN PROSPEK KERJAYA MEREKA.**







***ASSOCIATION OF MUAMALAT STUDIES (ATLAS)***

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

KHIDMAT MASYARAKAT DAN SOSIAL

# FUNDRAISING FOR DISABLE STUDENTS








**PROGRAM BERBENTUK KESUKARELAWAN ATAU KEBERANIAN AMAT DIGALAKKAN KEPADA PELAJAR UITM CAWANGAN KELANTAN. JUSTERU ITU, PERSATUAN D'BANQUERS BERHASRAT UNTUK MENGANJURKAN PROGRAM PENGUMPULAN DANA BAGI MEMBANTU PELAJAR YANG KURANG UPAYA. SELAIN ITU, FOKUS UTAMA AKTIVITI INI ADALAH UNTUK MENDAPATKAN SUMBANGAN DARIPADA IBU BAPA MAHASISWA, WARGA UITM CAWANGAN KELANTAN DAN KOMUNITI SETEMPAT UNTUK PELAJAR-PELAJAR KURANG UPAYA TERSEBUT.**





BULETIN

PERSATUAN D'BANQUERS

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# D'BANQUERS WELCOME FIESTA








PERSATUAN D'BANQUERS TELAH BERHASRAT MENGADAKAN PROGRAM D'BANQUERS WELCOME FIESTA YANG BERTUJUAN UNTUK MEMPERKENALKAN PERSATUAN D'BANQUERS KEPADA PELAJAR DIPLOMA PENGAJIAN PERBANKAN SEMESTER SATU TENTANG TUJUAN PENUBUHAN. SELAIN ITU,PROGRAM INI JUGA DAPAT MENINGKATKAN KEYAKINAN PELAJAR UNTUK MELIBATKAN DIRI DALAM AKIVITI AKADEMIK DAN KEPIMPINAN SERTA MELATIH PELAJAR MENONJOLKAN KEBOLEHAN DIRI. DISAMPING MELAHIRAKAN SIFAT KERJASAMA DAN MENGERATKAN HUBUNGAN ANTARA PELAJAR UiTM CAWANGAN KELANTAN





BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# *SCHOOL ATTACK 2.0: LET'S BOOST UP YOUR MATH*









**PROGRAM *SCHOOL ATTACK 2.0: LET'S BOOST UP YOUR MATH* YANG DIANJURKAN OLEH KELAB *DIPLOMA IN QUANTITATIVE OF SCIENCE MATHEMATICS ASSOCIATION* (DIQMA) INI DIADAKAN PADA 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS) DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KUBANG KERIAN 2, KOTA BHARU, KELANTAN. MAJLIS INI BERTUJUAN UNTUK MEMBERI SEMANGAT DAN MOTIVASI UNTUK PELAJAR MEMPELAJARI SUBJEK MATEMATIK DENGAN BAIK SERTA MELIHAT PENINGKATAN KEMAHIRAN PELAJAR DALAM MENYELESAIKAN MASALAH MATEMATIK.**







**KELAB *DIPLOMA IN QUANTITATIVE OF SCIENCE MATHEMATICS ASSOCIATION***

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# HARI BERSAMA AHLI DIQMA








**PROGRAM HARI BERSAMA AHLI INI DIANJURKAN OLEH PERSATUAN *DIPLOMA IN QUANTITATIVE OF SCIENCE MATHEMATICS ASSOCIATION* (DIQMA) INI DIADAKAN PADA 16 OKTOBER 2024 BERTEMPAT DI AUD300, KAMPUS MACHANG. PROGRAM INI BERTUJUAN UNTUK MENARIK MINAT PARA PELAJAR UNTUK MENDALAMI ILMU BERKAITAN MATEMATIK. IA JUGA DAPAT MEMBERI PENDEDAHAN AWAL BAHAWA MATEMATIK JUGA BUKAN NOMBOR SEMATA-MATA TETAPI IA JUGA DAPAT DIAPLIKASIKAN DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN.**





BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# MALAM SERIBU BINTANG








## SINOPSIS PROGRAM

Malam Seribu Bintang merupakan program yang telah dianjurkan oleh High Achievers' Club (HAC) UiTM Cawangan Kelantan. Objektif program ini diadakan adalah untuk memberi ruang kepada mahasiswa untuk menenangkan fikiran sebelum menghadapi minggu peperiksaan dan untuk menjana sumber pendapatan High Achievers' Club (HAC).

Program ini telah berjaya dilaksanakan dengan penglibatan seramai 338 orang peserta yang telah mendaftar. Program berlangsung dari pukul 8:00 malam hingga 10:30 malam.

Aktiviti dimulai dengan pendaftaran peserta. Setelah itu, sesi bersama artis jemputan, Wany Hasrita berlangsung sehingga 10:40 malam. Kemudian, sesi *meet and greet* dijalankan untuk peserta VVIP dan pembahagian kupon dilakukan kepada peserta lain.

Akhir sekali, program ini telah berjaya dijalankan dengan jayanya walaupun terdapat beberapa kesalahan kecil yang berlaku pada hari kejadian. Kami berharap para peserta yang hadir ke program kami berpuas hati terhadap program Malam Seribu Bintang.





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PENCARIAN SEKRETARIAT PERSATUAN AKADEMIK DIPLOMA STATISTIK (I-TECHQS)








Program PENCARIAN SEKRETARIAT PERSATUAN AKADEMIK DIPLOMA STATISTIK (I-TECHQS) yang diadakan di Bilik HRD B dan dihadiri seramai 22 orang termasuk AJK Pelaksana.

Program ini diadakan bertujuan untuk melantik barisan pelapis di kalangan ahli baru dalam Persatuan Akademik Diploma Statistik (I-TECHQS). Seterusnya, dapat melatih mahasiswa supaya mampu bekerja dalam kumpulan dan menerapkan ciri kepimpinan yang cemerlang. Akhir sekali, ianya untuk mencungkil bakat kepimpinan dan komunikasi dalam kalangan mahasiswa.





BULETIN

TEKNOLOGI
MARA

# SCHOOL ATTACK 3.0








PROGRAM *SCHOOL ATTACK 3.0* YANG DIANJURKAN OLEH PERSATUAN AKADEMIK DIPLOMA STATISTIK (I-TECHQS) PADA 26 OKTOBER 2024 (SABTU) BERTEMPAT DI SMK MENGKEBANG, KUALA KRAI, KELANTAN. PROGRAM INI BERTUJUAN UNTUK MEMBERI PELUANG KEPADA MAHASISWA UNTUK LEBIH BERKEYAKINAN DALAM BERKONGSI ILMU DENGAN PESERTA SEKALI GUS MENINGKATKAN KETERAMPILAN SOSIAL MELALUI KERJA BERPASUKAN DAN KOMUNIKASI EFEKTIF ANTARA SATU SAMA LAIN.





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PERTANDINGAN ALUNAN WARISAN NASYID








Program ini diadakan untuk menggalakkan kesedaran tentang pentingnya nilai-nilai kerohanian dan moral melalui seni nasyid dalam kalangan mahasiswa. Selain itu, untuk mempromosikan dan memartabatkan seni nasyid sebagai warisan budaya Islam yang perlu dikekalkan dan diperkembangkan. Seterusnya bagi meningkatkan hubungan dan kerjasama antara mahasiswa dari pelbagai kolej melalui aktiviti seni yang bersifat spiritual dan kolektif. Akhir sekali, untuk meningkatkan platform kepada mahasiswa untuk menunjukkan bakat dan kreativiti mereka dalam seni nasyid serta mengasah kemahiran seni persembahan di peringkat universiti.





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PENCARIAN SEKRETARIAT SESI 2024/2025








**Program ini diadakan selama sebulan untuk mencari sekretariat ambilan baharu bagi sesi 2024/2025. Tujuan program ini adalah untuk memberi peluang kepada mahasiswa UiTM menunjukkan bakat dan kebolehan yang dimiliki seperti kepimpinan, pemikiran kritis dan skil bekerja secara kolektif untuk perkembangan jasmani, rohani, intelek dan sosial.**





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# HARI BERSAMA AHLI








Program ini merupakan sebuah program berkonsepkan aktiviti explorasi atau praktikal yang berkait dengan kerohanian dan ilmiah yang merupakan kerjasama antara kelab Intellectual Members of Muslim Nation (IMAN) dari Kampus Machang dan Kota Bharu. Tujuan utama program ini adalah untuk mengukuhkan lagi pengetahuan tentang asas-asas Islam para peserta supaya mereka dapat memahami dan mengamalkan ajaran Islam dengan lebih mendalam dan tepat dalam kehidupan seharian mereka melalui aktiviti-aktiviti eksplorasi. Disamping itu, program ini juga adalah untuk merapatkan lagi ukhuwah sesama ahli dan bertukar pandangan serta idea antara Kelab IMAN Machang dan Kota Bharu.





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# MOVING FORWARD WITH INDYBS





GAMBAR VVIP


GAMBAR AJK

SINOPSIS PROGRAM

Program 'MOVING FORWARD WITH INDYBS' merupakan sebuah program di bawah Persatuan Intellectual Dynamic Business Society (INDYBS) UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang. Program ini bertujuan untuk memberikan pengenalan kepada semester 1 Diploma Pengajian Perniagaan mengenai Persatuan Intellectual Dynamic Business Society (INDYBS) dan ingin mencari ahli sekretariat baharu bagi sesi 2024/2025. Kedua-dua program ini akan berlangsung selama dua hari iaitu 17 Oktober (Khamis) pada 8:30 PM sehingga 10:30 PM dan 19 Oktober (Sabtu) bermula 8:30 PM sehingga 10:00 PM


GAMBAR PERASMI


GAMBAR PROGRAM

BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# EMBRACE TRADITION, IGNITE UNITY








SINOPSIS PROGRAM

EMBRACE TRADITION, IGNITE UNITY merupakan sebuah program akademik Persatuan Intellectual Dynamic Business Society (INDYBS) UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang. Ia diadakan bertujuan untuk Menggalakkan ahli kelab berkolaborasi dan bekerjasama dalam kumpulan, mengasah bakat kepimpinan dan pembangunan dalam diri ahli kelab serta merapatkan jurang hubungan ukhwah di antara ahli kelab. Program ini juga akan berlangsung selama sehari iaitu 9 november 2024 pada hari Sabtu bermula 8:00 pagi sehingga 6:00 petang di Gelanggang Bola Tampar, UiTM Cawangan Kelantan.







INTELLECTUAL DYNAMIC BUSINESS SOCIETY (INDYBS)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PENCARIAN SEKRETARIAT JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ DATO' ONN SESI 2024/2025








PROGRAM PENCARIAN SEKRETARIAT INI MERUPAKAN SUATU PROGRAM YANG DIANJURKAN OLEH JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ DATO' ONN SESI 2023/2024. PADA 14 OKTOBER 2024, MASA 7:40 MALAM HINGGA 11:00 MALAM DI PEJABAT KOLEJ DATO' ONN. PROGRAM INI MELIBATKAN SEMUA PENGHUNI KOLEJ DATO' ONN YANG BERMINAT UNTUK MENJADI SEORANG SEKRETARIAT. PROGRAM INI BERTUJUAN UNTUK MEMBERI RUANG KEPADA PELAJAR UNTUK MELAKSANAKAN IDEA-IDEA BARU DAN INOVATIF DALAM MERANCANG DAN MELAKSANAKAN PROGRAM-PROGRAM KOLEJ. PROGRAM PENCARIAN SEKRETARIAT INI BERJAYA MENDAPATKAN SERAMAI 47 PESERTA UNTUK DI TEMU DUGA PADA HARI PROGRAM TERSEBUT. AKHIR SEKALI, SERAMAI 15 ORANG PESERTA YANG LAYAK DAN BERJAYA MENJADI AHLI SEKRETARIAT JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ DATO' ONN.





BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# *EXPLORACE* JEJAK WARISAN









## SINOPSIS PROGRAM

***Explorace* Jejak Warisan yang diadakan pada 26 Oktober 2024 bertempat di Medan Ilmu, UiTM Cawangan Kelantan, adalah satu program yang bertujuan untuk memperkenalkan dan mendalami nilai-nilai warisan tempatan dalam kalangan peserta.**

**Program ini berlangsung dari pukul 8:00 pagi hingga 12:30 tengah hari, di mana para peserta akan terlibat dalam pelbagai aktiviti dan cabaran yang berkaitan dengan budaya dan sejarah warisan Melayu.**





BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# MALAM RANDAU KOLEJ DATO' ONN








Tujuan program ini adalah untuk mendedahkan ahli Jawatankuasa Perwakilan Perwakilan Kolej Dato' Onn (JPK) dan memperkenalkan barisan Staf Residen Kolej Dato' Onn (SRK) kepada penghuni kolej. Dengan adanya program ini, ia dapat mengeratkan lagi hubungan antara penghuni, JPK dan SRK. Program ini juga bertujuan untuk mendedahkan infrastruktur dan kemudahan di kolej kediaman.





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# SOLEK KLASIK








Program Solek Klasik ini merupakan program anjuran Jawatankuasa Perwakilan Kolej Tunku Abdul Rahman dan program ini mendapat tajaan daripada pihak Maaez Hq dan Hello Bunga yang dilaksanakan pada 25 Oktober 2024 pada hari Jumaat. Program ini dapat memupuk serta mengeratkan hubungan persaudaraan dan silaturahim antara sesama mahasiswa serta Menggalakkan mahasiswa untuk berinovasi dengan menggabungkan elemen tradisional dan moden dalam solekan mereka.






UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# JEJAK NURANI








**PROGRAM INI MERUPAKAN PROGRAM ANJURAN JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN (JPKTAR) YANG BERTUJUAN UNTUK MEMBERI PENCERAHAN DAN PENGETAHUAN DALAM AGAMA ISLAM KEPADA KHALAYAK RAMAI SERTA MEMUPUK KESEDARAN ORANG RAMAI MENGENAI KEPENTINGAN ILMU AGAMA. SELAIN ITU, IA JUGA BERTUJUAN UNTUK MEMPERKUATKAN IMAN DAN MENDALAMI PEMAHAMAN MENGENAI AGAMA ISLAM DALAM KALANGAN UMAT ISLAM SERTA MENINGKATKAN MINAT DALAM AGAMA ISLAM TERUTAMANYA DALAM GOLONGAN ORANG MUDA.**





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PENCARIAN SEKRETARIAT JPKTAR








Jawatankuasa Perwakilan Kolej Tunku Abdul Rahman (TAR) telah membuat satu perancangan untuk menganjurkan pencarian sekretariat. Program ini merupakan program wajib anjuran Jawatankuasa Perwakilan Kolej yang diadakan pada minggu awal semester. Program Pencarian Sekretariat Kolej adalah inisiatif untuk mengenal pasti dan melantik pelajar yang berpotensi untuk mengisi jawatan dalam Sekretariat Kolej. Program ini bertujuan untuk membina kepimpinan dalam kalangan pelajar dan mengembangkan kemahiran pengurusan dan komunikasi.





BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PERTANDINGAN DEBAT INTERKOLEJ 2024

# BULETIN

**ANJURAN: JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUN DR. MAHATHIR DENGAN KERJASAMA KELAB DEBAT DAN PIDATO**

**TARIKH: 17 - 19 DAN 22 OKTOBER 2024**

**TEMPAT: MICROSOFT TEAMS, AUD200 & YOUTUBE LIVE**

Pertandingan Debat Interkolej 2024 merupakan program anjuran Jawatankuasa Perwakilan Kolej Tun Dr. Mahathir dengan kerjasama Kelab Debat dan Pidato UiTM Cawangan Kelantan yang telah berlangsung secara hibrid. Peringkat pusingan awal dan separuh akhir telah diadakan pada 17, 18 dan 19 Oktober 2024 melalui platform Microsoft Teams, manakala peringkat akhir pula diadakan pada 22 Oktober 2024 secara fizikal yang bertempat di AUD 200 dan turut disiarkan di platform YouTube.

Program ini dianjurkan secara hibrid selaras dengan kehendak dan keperluan semasa untuk membudayakan lagi kemegahan dan kehebatan pemidato, pendebat dan pembuah idea. Pertandingan Debat Interkolej 2024 dianjurkan pada tahun ini bertujuan untuk mempertandingkan wakil-wakil daripada setiap kolej di UiTM Cawangan Kelantan dalam kategori Bahasa Melayu dengan bilangan peserta seramai 29 orang. Johan bagi pertandingan Debat Interkolej 2024 adalah wakil daripada Non-resident A, manakala naib johan bagi pertandingan ini dirangkul oleh wakil daripada kolej Tun Dr. Mahathir A.














Bahagian Hal Ehwal Pelajar

KREATIF DAN INOVASI

# PROGRAM AURA PUSAKA

**TARIKH: 25 DAN 26 OKTOBER 2024**

**TEMPAT: HRD(A), UITM CAWANGAN KELANTAN, KAMPUS MACHANG**

**MASA: 2.00 PETANG - 6.00 PETANG**

PROGRAM AURA PUSAKA MERUPAKAN PROGRAM ANJURAN JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUN DR. MAHATHIR YANG TELAH BERLANGSUNG SECARA FIZIKAL. PROGRAM INI DIADAKAN PADA 25 DAN 26 OKTOBER 2024 SECARA FIZIKAL YANG BERTEMPAT DI HRD(A), UITM CAWANGAN KELANTAN, KAMPUS MACHANG.

PROGRAM INI DIANJURKAN SECARA FIZIKAL BERTUJUAN UNTUK MENGUJI, MENGUKUHKAN SEMANGAT BERPASUKAN D DAN MEMBANTU MEMUPUK TANGGUNGJAWAB DALAM KALANGAN PESERTA SERTA MENINGKATKAN MINAT TERHADAP SENI. SELAIN ITU, PROGRAM INI BERTUJUAN UNTUK MENGUMPUL DANA BAGI MENYOKONG AKTIVITI JAWATANKUASA PERWALIKAN KOLEJ TUN DR. MAHATHIR. AKHIR SEKALI, PROGRAM INI BERTUJUAN UNTUK MEMBANTU MENGURANGKAN TEKANAN EMOSI DALAM KALANGAN MAHASISWA DENGAN MENYEDIAKAN HIBURAN BERBENTUK KESENIAN YANG BERBEZA DARIPADA KEBIASAAN.












# BULETIN

JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUN DR. MAHATHIR

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# MALAM BERSAMA STAF RESIDEN KOLEJ TUN HUSSEIN ONN








PROGRAM INI TELAH DIADAKAN PADA 7 OKTOBER 2024 BERTEMPAT DI DEWAN PROFESIONAL, UiTM MACHANG. PROGRAM INI TELAH DISERTAI SERAMAI 842 ORANG PENGHUNI KOLEJ. PROGRAM INI DIADAKAN ADALAH UNTUK MEMPERKENALKAN BARISAN STAF RESIDEN KOLEJ DAN JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUN HUSSEIN ONN (JPKTHO) KEPADA PARA PENGHUNI. SELAIN ITU, PROGRAM INI JUGA MEMBERI PENDEDAHAN TENTANG PERATURAN - PERATURAN KOLEJ KEPADA PENGHUNI TERUTAMA KEPADA PELAJAR SEMESTER 1. AKHIR SEKALI, PROGRAM INI JUGA DIADAKAN BAGI MENGUKUHKAN UKHUWAH ANTARA MAHASISWA DAN STAF RESIDEN KOLEJ.





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# FIT & ZUMBA WITH JPKTHO








Program *Fit & Zumba With* JPKTHO telah diadakan pada 16 Oktober 2024, bertempat di Dewan Profesional, UiTM Cawangan Kelantan. Program ini telah disertai seramai 428 peserta. Program ini dilaksanakan bertujuan untuk menggalakkan penglibatan mahasiswi dalam aktiviti kesukanan yang memberi impak positif kepada kesihatan serta kecergasan fizikal dan mental. Program ini juga dapat merapatkan hubungan ukhuwah sesama mahasiswi dengan Jawatankuasa Perwakilan Kolej Tun Hussein Onn.





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PENCARIAN SEKRETARIAT JPKTHO








Program Pencarian Sekretariat Jawatankuasa Perwakilan Kolej Tun Hussein Onn telah diadakan selama 3 hari iaitu pada 17-19 Oktober 2024, bertempat di Bilik Gerakan JOBN, Kolej Tun Hussein Onn. Program ini telah disertai seramai 65 orang calon. Program ini dilaksanakan bertujuan untuk memberi peluang kepada mahasiswa mengasah sifat kepimpinan dalam menguruskan suatu organisasi dengan berhemah dan penuh bertanggungjawab. Selain itu, program ini turut mencari sekretariat yang mahu dibimbing oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej Tun Hussein Onn Sesi 23/24 serta melahirkan para pemimpin yang bertauliah dan berdedikasi.





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# MALAM PESONA MELODI













**Program Malam Pesona Melodi telah diadakan pada 22, 23 dan 26 Oktober 2024, bertempat di Medan Ilmu, UiTM Cawangan Kelantan. Program ini telah disertai seramai 17 orang peserta. Program ini dilaksanakan bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar untuk menonjolkan bakat seni dan kreativiti mereka melalui bakat seni vokal. Seterusnya, program ini dapat menyediakan platform di mana mahasiswa dari pelbagai latar belakang untuk mengekspresikan kreativiti melalui nyanyian. Selain itu, program ini juga dapat melatih mahasiswa untuk membina keyakinan serta mempersiapkan diri di hadapan khalayak ramai. Akhir sekali, program ini juga dapat merangsang persaingan yang sihat antara kolej kediaman.**









BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# MALAM SENI WAYANG KULIT














**Program Malam Seni Wayang Kulit telah diadakan pada 25 Oktober 2024, bertempat di Medan Ilmu, UiTM Cawangan Kelantan. Program ini telah disertai seramai 1000 orang peserta. Program ini dilaksanakan bertujuan untuk memupuk semangat cinta akan kebudayaan tanah air. Seterusnya program ini dapat mengeratkan hubungan sesama mahasiswa UiTM Cawangan Kelantan. Akhir sekali, program ini juga mengekalkan dan memelihara seni dan budaya tradisional yang ada terutamanya di negeri Kelantan.**

BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# DAPUR WARISAN RASA








Program ini menggunakan format pertandingan. Peserta akan dinilai daripada segi aspek rasa, kebersihan dan penampilan makanan. Program pada 25 Oktober ini dimulakan dengan ketibaan AJK Medan Ilmu, UiTM Cawangan Kelantan, Kampus Machang pada pukul 4:40 petang. Pada pukul 4:50 petang peserta akan mula mendaftar di kaunter pendaftaran yang telah disediakan dan pada pukul 5:00 petang peserta akan mendengar taklimat ringkas daripada Ahli Jawatankuasa program. Seterusnya, pada pukul 5:10 petang peserta akan diberi masa untuk menyiapkan masakan mengikut kreativiti peserta selama 45 minit. Pada pukul 5:45 petang merupakan ketibaan VIP dan tetamu jemputan. Dalam pada itu, pada pukul 5:55 petang hasil masakan peserta akan dinilai oleh juri. Seterusnya, pada pukul 6:15 petang akan berlangsungnya majlis perasmian. Dimulakan dengan nyanyian Lagu Negaraku & Wawasan Setia Warga UiTM dan diiringi bacaan Doa. Selain itu, ucapan pengarah projek, ucapan presiden dan ucapan perasmian oleh Encik Meer Zhar Farouk Amir Razli iaitu Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar. Kemudian, pada pukul 6:40 petang, program diteruskan lagi dengan slot pengumuman pemenang dan penyampaian hadiah. Program diakhiri dengan sesi bergambar bersama mahasiswa. Setelah selesai bergambar, VIP dan AJK akan ke meja jamuan untuk menjamu makanan minum petang. Program berakhir pada pukul 7:00 petang.





BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# NR FAMILY RALLY 2.0








Program ini akan dimulakan pada 10 Oktober 2024 dan akan berakhir pada 11 Oktober 2024. Pada 10 Oktober, pukul 6 petang kami akan bertolak ke destinasi iaitu di homestay di Tanah Merah dan dijangkakan kami akan tiba ke destinasi yang dituju pada pukul 7 malam. Setelah tiba di destinasi yang dituju, kami akan membuat persiapan untuk menunaikan solat fardhu maghrib di masjid berdekatan pada pukul 7.30 malam. Kemudian pada pukul 8 malam kami akan mendengar tazkirah yang disampaikan oleh imam masjid tersebut dan pada 8.40 malam kami akan menunaikan solat fardhu isyak. Pada pukul 9 malam kami akan mengadakan sesi BBQ dan akan bermain permainan "Werewolf" sehingga pukul 12 tengah malam di mana kami akan mempersiapkan diri untuk tidur. Kemudian pada 11 Oktober, pukul 6 pagi kami akan menunaikan
solat subuh berjemaah. Pada pukul 6.30 pagi, kami akan bertolak ke Bukit Panau dan dijangka akan memulakan sesi pendakian pada pukul 6.45 pagi. Setelah selesai mendaki, kami akan singgah untuk sarapan pagi pada pukul 10.30 pagi dan akan bertolak pulang ke UiTM Machang pada pukul 12 tengahari.





BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# SAYEMBARA WARNA WARISAN









Program ini merupakan program anjuran Jawatankuasa Perwakilan Non Resident dengan kerjasama iCare Malaysia. Program Sayembara Warna Warisan ini adalah salah satu aktiviti untuk menarik minat pelajar tadika melibatkan diri dalam pertandingan mewarna serta mengasah bakat pelajar tadika yang suka mewarna untuk lebih berdaya saing dan lebih cekap dalam mewarna. Program ini menyasarkan pelajar tadika sekitar UiTM Kampus Machang





BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PROGRAM *BONDING WITH KDP: LET US UNITE TOGETHER*









PROGRAM BONDING WITH KDP: LET US UNITE TOGETHER INI DIJALANKAN UNTUK MENGERATKAN HUBUNGAN ANTARA AHLI KELAB BERSAMA DENGAN MAJLIS TERTINGGI KELAB DAN EXCO KELAB





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PENCARIAN SEKRETARIAT








**PENCARIAN SEKRETARIAT, PENDEBAT BAHASA MELAYU, BAHASA INGGERIS, PEMIDATO BAHASA MELAYU, BAHASA INGGERIS DAN AHLI BIASA MERUPAKAN SUATU PROGRAM YANG JULUNG KALI DIADAKAN SETIAP SEMESTER. PROGRAM INI BERTUJUAN UNTUK MENARIK LEBIH RAMAI MAHASISWA UITM CAWANGAN KELANTAN UNTUK MENYERTAI KELAB DEBAT DAN PIDATO, SEJURUS MENGEMBANGKAN LAGI KELAB PERSATUAN.**





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PRESENTECH 1.0








Program PresenTech 1.0 - Pixel Perfect ini merupakan satu program perkongsian ilmu anjuran Members of Bachelor in Accountancy Society (Membaccs) dengan kerjasama Fakulti Perakaunan UiTMCK untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa tentang cara dan teknik yang betul menggunakan kemahiran digital bagi kegunaan masa hadapan. Program ini diadakan di HRD A, UiTMCK pada 2 November 2024 serta melibatkan 100 mahasiswa UiTMCK, 17 ahli jawatankuasa Membaccs dan 2 orang penasihat persatuan. Seterusnya, bengkel ini disampaikan oleh Cik Wan Nurul Basirah Wan Mohamad Noor yang merupakan salah seorang pensyarah kanan Fakulti Perakaunan UiTMCK. Akhir sekali, program ini telah berjalan dengan lancar dan memberi impak yang positif kepada para peserta.






BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PRESENTECH 2.0








Program *PresenTech 2.0 - Design to Dazzle* ini merupakan satu program perkongsian ilmu anjuran Members of Bachelor in Accountancy Society (Membaccs) dengan kerjasama Fakulti Perakaunan UiTMCK untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa tentang teknik lanjutan perisian penggunaan digital bagi kegunaan masa hadapan. Program ini diadakan di D213-D214, Blok D, UiTMCK pada 9 November 2024 serta melibatkan 100 mahasiswa UiTMCK, 17 ahli jawatankuasa Membaccs dan 2 orang penasihat persatuan. Seterusnya, bengkel ini disampaikan oleh Cik Wan Nurul Basirah Wan Mohamad Noor yang merupakan salah seorang pensyarah kanan Fakulti Perakaunan UiTMCK. Akhir sekali, program ini telah berjalan dengan lancar dan memberi impak yang positif kepada para peserta.





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PENCARIAN SEKRETERIAT








**PENCARIAN SEKRETARIAT INI IALAH PROGRAM YANG DIJALANKAN BAGI MEMBERI RUANG KEPADA JAWATANKUASA KERJA MARA UNIVERSITY OF TECHNOLOGY ACCOUNTANCY SOCIETY (MUTAC) SESI 2023/2024 UNTUK UNTUK MENCARI AHLI SEKRETARIAT MUTAC BAGI SESI 2025. OBJEKTIF UTAMA PELAKSANAAN PROGRAM ADALAH UNTUK MENCARI SEKRETARIAT BARU YANG MAMPU MELAKSANAKAN TUGAS-TUGAS KELAB DENGAN BAIK DAN EFISIEN. PADA MASA YANG SAMA, PROGRAM INI JUGA DAPAT MEWUJUDKAN MAHASISWA YANG YANG MAHIR BERKOMUNIKASI ANTARA SATU SAMA LAIN.**





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# 10K STEPS WITH ACCOUNTANCY SOCIETY




**10K STEPS WITH ACCOUNTANCY SOCIETY** merupakan program anjuran Kelab MUTAC dengan kerjasama Fakulti Perakaunan dan Unit Sukan UiTMCK. Program ini berbentuk sukan dan rekreasi yang dianjurkan pada 7 November 2024, pukul 5:00 petang bertempat di Foyer Blok D, UiTM Cawangan Kelantan. Program ini terhad kepada 210 orang mahasiswa UiTMCK bertujuan untuk membantu pelajar untuk sentiasa aktif bagi meningkatkan stamina dan mengekalkan kesihatan tubuh.









BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# HBA X *TEAM BUILDING* PEERS 2024












**Pada 19 Oktober 2024, Kelab Pembimbing Efektif Rakan Sebaya (PEERS) telah mengadakan Program Sambutan Hari Bersama Ahli & *Team Building* PEERS 2024: *Bonding Beyond Boundaries: Creating Connection, Building Trust*. Program ini berlangsung pada pukul 8:45 pagi dan berakhir pada pukul 2:00 petang. Program ini telah dirasmikan oleh Penasihat Kelab PEERS, Puan Zainab 'Izzah Mahmud. Program ini diadakan bertujuan untuk memperkenalkan barisan Exco dan Majlis Tertinggi Kelab PEERS dan juga bagi meraikan ahli-ahli baharu kelab PEERS. Selain itu, program ini juga diadakan bertujuan untuk memperkukuhkan hubungan silaturahim di antara ahli kelab PEERS dengan mahasiswa UiTM. Seramai 139 peserta telah menghadiri program ini termasuk 32 orang Ahli JawatanKuasa PEERS.**

BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PROGRAM PEERS' CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY: BRAINIAC BLITZ








Pada 26 Oktober 2024, Kelab Pembimbing Efektif Rakan Sebaya (PEERS) dan Unit Kerjaya & Kaunseling (UKK) dengan kerjasama SMKA Tok Bachok telah menganjurkan Program ***PEERS' Corporate Social Responsibility*: *Brainiac Blitz***. Program ini berlangsung di SMKA Tok Bachok. Objektif utama program ini diadakan adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar sekolah tentang persiapan menuju ke alam universiti serta mencapai konsep ***Sustainable Development Goals* (SDG)** yang keempat iaitu ***Quality Education***. Pihak penganjur berjaya mencapai sasaran peserta iaitu seramai 256 orang pelajar-pelajar Tingkatan 4 dan 5 dari SMKA Tok Bachok telah menyertai program yang berimpak tinggi ini.





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PROGRAM PENCARIAN SEKRETARIAT








**PROGRAM PENCARIAN SEKRETARIAT PROSIS INI MERUPAKAN INISIATIF YANG DIANJURKAN OLEH KELAB PROGRAM SISWA SIHAT (PROSIS) BAGI MENCARI BAKAT BAHARU YANG BERSEMANGAT DAN BERDEDIKASI UNTUK MENYERTAI SEBAGAI AHLI. PERMOHONAN DIBUKA PADA 29 OKTOBER HINGGA 31 OKTOBER 2024, MANAKALA SESI TEMUDUGA TELAH DIADAKAN PADA 8 NOVEMBER 2024 (JUMAAT), PADA PUKUL 8.30 MALAM HINGGA 10 MALAM MELALUI PLATFORM GOOGLE MEET. PROGRAM INI BERTUJUAN UNTUK MEMBERI PELUANG KEPADA MAHASISWA UiTM UNTUK MENINGKATKAN KEMAHIRAN INSANIAH, MENGEMBANGKAN POTENSI DIRI, DAN MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA AHLI YANG BERWAWASAN DAN BERPANDANGAN JAUH.**





BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# KEUNGGULAN BANGSA: PERTUNJUKAN SENI PERWIRA














BULETIN

PERSATUAN SILAT SENI GAYONG MALAYSIA

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# EXPLORER'S HUNT









PROGRAM EXPLORER'S HUNT TELAH BERLANGSUNG PADA 9 NOVEMBER 2024 DI MEDAN ILMU DAN SEKITAR BLOK FAKULTI UiTM CAWANGAN KELANTAN. SERAMAI 144 ORANG PESERTA TERMASUK AJK PELAKSANA TELAH MENYERTAI PROGRAM INI. PROGRAM INI DIADAKAN BERTUJUAN UNTUK MENGERATKAN LAGI HUBUNGAN SILATURAHIM ANTARA MAHASISWA DAN AHLI PERSATUAN SILAT CEKAK SERTA MENINGKATKAN SEMANGAT DALAM DIRI SETIAP MAHASISWA AGAR TIDAK MUDAH BERPUTUS ASA DALAM MENGHADAPI APA JUA RINTANGAN DAN CABARAN DALAM KHIDUPAN SEHARIAN.






BULETIN

PERSATUAN SILAT CEKAK UITM CAWANGAN KELANTAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# KURSUS FIRST RESPONDER LIFE SUPPORT (FRLS) LEVEL 1








PADA 6 HINGGA 10 OGOS 2024 YANG LALU, TELAH BERLANGSUNGNYA KURSUS FIRST RESPONDER LIFE SUPPORT(FRLS)LEVEL 1 SIRI KHAS APM KELANTAN YANG MELIBATKAN PESERTA YANG TERDIRI DARIPADA PEGAWAI KADET SISPA (PKS) DAN ANGGOTA ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA (APM) YANG BERTEMPAT DI UITM CAWANGAN KELANTAN.

KURSUS INI DIJALANKAN DENGAN KERJASAMA APM NEGERI KELANTAN DAN PUSAT LATIHAN PERTAHANAN AWAM WILAYAH TIMUR (PULAPAT) JENGKA, PAHANG. KURSUS INI DIADAKAN BERTUJUAN UNTUK MEMBERI PENDEDAHAN KEPADA PARA PESERTA BERKENAAN TEORI DAN PRAKTIKAL BANTUAN AWAL KECEMASAN.





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# LATIHAN PEMANTAPAN DAN MAJLIS KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI KADET SISPA SESI 2024








PADA 4 HINGGA 5 OGOS 2024 YANG LALU, KOR SISPA TELAH MENGADAKAN LATIHAN PEMANTAPAN DAN MAJLIS KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI KADET SISPA SESI 2024 BERTEMPAT DI PADANG KAWAD KOLEJ TUN DR MAHATHIR, UITM CAWANGAN KELANTAN. PADA HARI PERTAMA, PKS MUDA TELAH MEMPELAJARI MODUL KAWAD KAKI STATIK DAN DINAMIK. SEMOGA MODUL YANG DIPELAJARI DAPAT MEMBINA KEKUATAN MENTAL DAN FIZIKAL SEMUA PEGAWAI KADET SISPA. PADA HARI KEDUA, SERAMAI 22 ORANG PKS MUDA DAN 35 ORANG PKS SENIOR TELAH DIUJI KELAYAKAN MEREKA DALAM UJIAN KENAIKAN PANGKAT. TUJUAN MAJLIS KENAIKAN PANGKAT INI DIADAKAN ADALAH UNTUK MEMBERI PENGHARGAAN ATAS KEJAYAAN KEPADA 22 ORANG PKS MUDA DAN 35 ORANG PKS SENIOR YANG TELAH LULUS DALAM UJIAN KENAIKAN PANGKAT.







KOR SISWA SISWI PERTAHANAN AWAM (SISPA)

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# ROAD ACCIDENT MANGEMENT (RAM)








PADA 24 OKTOBER 2024 YANG LALU TELAH BERLANGSUNGNYA ROAD ACCIDENT MANAGEMENT DI MEDAN ILMU, UiTM CAWANGAN KELANTAN YANG MELIBATKAN SERAMAI 30 ORANG PEGAWAI KADET SISPA.

SIMULASI INI DIJALANKAN DENGAN KERJASAMA ANGKATAN PERTAHANAN AWAM DAERAH MACHANG. ANTARA PERTUNJUKKAN YANG DILAKUKAN ADALAH TEKNIK-TEKNIK MENGGUNAKAN PERALATAN YANG BETUL UNTUK MENYELAMAT MANGSA KETIKA BERLAKUNYA KEMALANGAN.





BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# RAKAN BUMI: *PLOGGING* KOMUNITI PERINGKAT DAERAH MACHANG SIRI 4








PADA 9 NOVEMBER 2024, TELAH BERLANGSUNGNYA PROGRAM RAKAN BUMI: *PLOGGING* KOMUNITI PERINGKAT DAERAH MACHANG SIRI 4, YANG TERDIRI DARIPADA AHLI JAWATANKUASA DAN PESERTA DARI PEGAWAI KADET KOR SISWA SISWI PERTAHANAN AWAM (SISPA) UiTM CAWANGAN KELANTAN YANG BERTEMPAT DI BUKIT KELUANG, BESUT.

PROGRAM INI DIJALANKAN DENGAN KERJASAMA JABATAN BELIA DAN SUKAN DAERAH MACHANG BAGI MENGGALAKKAN AMALAN MEMELIHARA ALAM SEKITAR, MENINGKATKAN TAHAP KESIHATAN DAN MENGUKUHKAN PERPADUAN DALAM KOMUNITI SETEMPAT.






UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# NAMA PROGRAM








Program ini merupakan program yang dianjurkan oleh Sekretariat Rukun Negara (SRN) dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Persatuan Pendidikan Diversiti (Architects of Diversity). Program ini juga menggunakan peruntukan khas daripada JPNIN untuk SRN seluruh Malaysia. Peserta yang disasarkan terdiri daripada mahasiswa UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang. Program ini dianjurkan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para mahasiswa mengenai cita-cita dan prinsip-prinsip Rukun Negara yang diterapkan melalui pelaksanaan program-program kokurikulum dalam membentuk pembudayaan Rukun Negara dalam kehidupan seharian. Program ini juga berinisiatif bagi usaha untuk memperkasakan pembudayaan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian mahasiswa UiTM Cawangan Kelantan.





BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# FESTIVAL TARI KEBANGSAAN 2024








**FESTIVAL TARI KEBANGSAAN (FESTA'24)**

FESTIVAL TARI KEBANGSAAN FESTA'24 MERUPAKAN SATU FESTIVAL PERTANDINGAN TARIAN TRADITIONAL YANG DIANJURKAN OLEH AADYAMAATRA ARTISUKMA DENGAN KERJASAMA PUSAT KEBUDAYAAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA.

KELAB SERI SERANGKAI TARI MENYERTAI KATEGORI TERBUKA YANG DISERTAI OLEH 6 KUMPULAN DAN BERJAYA MENDAPAT TEMPAT KETIGA.







BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# $CAVENGER: JELAJAH KAMPUS












**SINOPSIS PROGRAM**

Kelab Taekwondo WT dengan kerjasama Kelab *Prime Mover* menganjurkan program aktiviti iaitu Scavenger : Jelajah Kampus. Program ini adalah aktiviti dimana para peserta perlu menyelesaikan permasalahan yang diberi. Peserta juga dibahagikan mengikut kumpulan dan perlu menjelajah dari satu ke satu checkpoint. Sepanjang penjelajahan, peserta akan diuji dengan ujian yang melibatkan minda, kecergasan dan juga ketahanan psikologi

**KELAB TAEKWONDO WT & KELAB *PRIME MOVER***

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# MALAM SENI WAYANG KULIT









Program Malam Seni Wayang Kulit telah diadakan pada 25 Oktober 2024, bertempat di Medan Ilmu, UiTM Cawangan Kelantan. Program ini telah disertai seramai 1000 orang peserta. Program ini dilaksanakan bertujuan untuk memupuk semangat cinta akan kebudayaan tanah air. Seterusnya program ini dapat mengeratkan hubungan sesama mahasiswa UiTM Cawangan Kelantan. Akhir sekali, program ini juga mengekalkan dan memelihara seni dan budaya tradisional yang ada terutamanya di negeri Kelantan.






BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

KEBUDAYAAN DAN WARISAN

# BATIK ARTISTRY

## Crafting Tradition, Creating Art




Pada 23 Oktober 2024, Kelab AWESOME telah menganjurkan program Batik Artistry: Crafting Tradition, Creating Art di Pusat Islam, UiTMCK Kampus Machang. Program ini telah memberi impak positif kepada pelajar apabila aktiviti memberikan ketenangan minda kepada mereka.







# BULETIN

Kelab Association of Welfare, Social, Motivation and Education (AWESOME)

25 TAHUN 1999-2024 UiTM SEBUAH UNIVERSITI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# GALA ENJIN DAN RODA

Gala Enjin Dan Roda merupakan subprogram Festival Kolej ke - 16 (FESKO - 16) anjuran Jawatankuasa Perwakilan Kolej Tun Dr. Mahathir yang telah diadakan pada 25 dan 26 Oktober 2024, dari jam 1:00 petang hingga 4:00 petang yang bertempat di Medan Ilmu, UiTM Cawangan Kelantan, Kampus Machang.

Gala Enjin dan Roda adalah program gemilang yang menyatukan komuniti peminat automotif dalam suasana penuh inspirasi. Program ini mempamerkan kepelbagaian motosikal dan kereta, dari model klasik hingga moden, sambil menonjolkan teknologi terkini dan seni kustomisasi kenderaan yang kreatif.

Acara ini memupuk minat generasi muda terhadap automotif, memberi pengiktirafan kepada kreativiti pemilik kenderaan, serta menyokong aktiviti kolej dan komuniti melalui interaksi yang sihat dan meriah. Lebih daripada sekadar hiburan, Gala Enjin dan Roda adalah platform pendidikan dan perpaduan, melambangkan kecemerlangan dunia automotif.
















BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# KURSUS METODOLOGI LATIHAN SIRI KHAS UITM CAWANGAN KELANTAN 2024








PADA 18 HINGGA 22 NOVEMBER 2024 YANG LALU, TELAH BERLANGSUNGNYA KURSUS METODOLOGI LATIHAN SIRI KHAS UiTM CAWANGAN KELANTAN 2024, YANG MELIBATKAN PESERTA YANG TERDIRI DARIPADA PEGAWAI KADET SISPA (PKS) YANG BERTEMPAT DI UiTM CAWANGAN KELANTAN. KURSUS INI DIJALANKAN DENGAN KERJASAMA APM DAERAH MACHANG DAN PUSAT LATIHAN PERTAHANAN AWAM UTARA(PULAPAU) BALING, KEDAH. KURSUS INI DILAKSANAKAN BERTUJUAN UNTUK MEMBERI PELUANG KEPADA PKS UNTUK MEMPELAJARI ILMU KEPIMPINAN, PROTOKOL, PENGURUSAN MAJLIS DAN LAIN-LAIN YANG BERKAITAN.





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# SOBELLA MAKEUP BATTLE UNIVERSITY VERSION








**Pada 3 November 2024, SOBELLA MAKEUP BATTLE UNIVERSITY VERSION berjaya diadakan di Dewan Profesional, UiTM Cawangan Kelantan dengan penyertaan 80 pelajar bertemakan Korean Makeup. Acara ini memberi platform kepada pelajar untuk mempamerkan kreativiti dan teknik solekan, sambil meningkatkan kesedaran tentang trend solekan Korea. Selain pertandingan, sesi perkongsian oleh pakar kecantikan memberi pendedahan kepada peserta tentang teknik terkini dan peluang kerjaya dalam industri kecantikan**





BULETIN

**PERSATUAN CULTURAL UNIT THEATRE (C.U.T.E) & KELAB SERI SERANGKAI TARI (SST)**

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PROGRAM *GROOMING MASTERY & BRUSH BATTLE WITH MAAEZ BEAUTY HQ "GLOW UP THE NEXT MAKEUP STAR"*








Pada 25 November 2024, Kelab Pembimbing Efektif Rakan Sebaya (PEERS) dan Unit Kerjaya Kaunseling (UKK) dengan kerjasama Maaez *Beauty HQ* telah menganjurkan Program *Grooming Mastery & Brush Battle With Maaez "Glow Up The Next Makeup Star"*. Program ini berlangsung di Dewan Profesional, UiTM Cawangan Kelantan. Objektif utama program ini diadakan adalah untuk memberikan pendedahan kepada mahasiswa tentang kaedah dandanan profesional ke arah alam pekerjaan dan memberi peluang kepada mahasiswa untuk membina rangkaian profesional dalam bidang keusahawanan dan kerjaya. Pihak penganjur berjaya mencapai sasaran peserta iaitu seramai 600 orang mahasiswa telah menyertai program yang berimpak tinggi ini.





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# EMPOWERING ELEGANCE: ASYALLIEE'S INSPIRING JOURNEY










SINOPSIS PROGRAM

Empowering Elegance: Asyalliee's Inspiring Journey merupakan program yang memberi ilham dan pengetahuan kepada peserta mengenai perjalanan dan kejayaan Puan Asyalliee Ahmad dalam perniagaan hijab beliau.







BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# BENGKEL *LATEX*








Pada 6 Disember 2024 bersamaan dengan hari jumaat, *Member Of Bachelor In Science Mathematics* (MOBISM) telah mengadakan program Bengkel *Latex* secara dalam talian dengan menggunakan Platform Google Meet. Program ini disertai oleh pelajar semester 5 CDCS249 UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang Sesi 2024/2025.

Program ini berlangsung pada jam 8:00 pagi dan berakhir pada jam 12:10 tengahari. Program ini merupakan salah satu usaha untuk memperkenalkan pelajar kepada Perisian *Latex*, melengkapkan mereka dengan kemahiran penting yang diperlukan untuk penggunaannya. Harapan program ini supaya dapat membantu pelajar lebih mendalam mengenai perisian *Latex*.





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# UJIAN KECERGASAN CALON BAKAL KOMANDER SESI 25/26




Program ini diadakan pada 6 November 2024, yang bertempat di Kompleks Sukan A dan dijalankan seawal jam 0730 sehingga selesai. Program ini bertujuan untuk menapis dan mengenalpasti Calon Bakal Komander (CBK) yang berpotensi untuk menyambung legasi Majlis Perwakilan Komander UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang.

Aktiviti yang dijalankan dalam program ini adalah ujian kecergasan yang bermula dengan penilaian *Body Mass Index* (BMI), *squad jump, push-up, sit-up, lunges, burpees, plank* dan berakhir dengan *bleep test*.

Jumlah Calon Bakal Komander (CBK) yang telah berjaya menyertai program ini adalah seramai 140 orang yang terdiri daripada 74 orang Kesatria Negara dan Kesatria Kembara, 34 orang Bulan Sabit Merah Malaysia dan 32 orang Brassband.



GAMBAR VVIP



GAMBAR AJK



GAMBAR PERASMI



GAMBAR PROGRAM

BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# HARI BERSAMA AHLI OFFICE MANAGEMENT CLUB








Program ini bertujuan untuk mendorong penglibatan aktif mahasiswa dalam bidang kokurikulum, sekaligus memperkasa kemahiran kepimpinan ahli Office Management Club (OMaC) sebagai penganjur utama. Selain itu, program ini memberikan peluang kepada pelajar semester 1 program Pengurusan Pejabat (BA132) untuk merasai pengalaman pertama menyertai program secara bersemuka, sambil memperkenalkan fungsi dan peranan kelab OMaC sebagai platform untuk membina bakat kepimpinan serta kemahiran insaniah.





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PERTEMPURAN BAHASA








PROGRAM PERTEMPURAN BAHASA MERUPAKAN SEBUAH PROGRAM DEMONSTRASI PERDEBATAN YANG JULUNG KALI DIADAKAN. TUJUANNYA ADALAH UNTUK MENARIK MINAT MAHASISWA UITM CAWANGAN KELANTAN UNTUK MELIHAT STRUKTUR PERDEBATAN YANG SEBENAR DAN MEMBERI PEMAHAMAN YANG MENYELURUH MENGENAI USUL YANG DIBAHASKAN.






BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PERTANDINGAN DEBAT PIALA NAIB CANSELOR 2024









**PERTANDINGAN DEBAT PIALA NAIB CANSELOR 2024 MERUPAKAN PERTANDINGAN TAHUNAN ANJURAN UiTM. PADA TAHUN INI, KELAB DEBAT DAN PIDATO UiTM CAWANGAN KELANTAN BERJAYA MENGHANTAR 2 PASUKAN DEBAT BAHASA MELAYU DAN 1 PASUKAN DEBAT BAHASA INGGERIS. BAGI DEBAT BAHASA MELAYU, 1 PASUKAN BERJAYA MENJADI JOHAN LIGA IAITU MEMENANGI KELIMA-LIMA SIDANG DI PUSINGAN PERTAMA SERTA BERJAYA KE PUSINGAN SUKU AKHIR. PASUKAN KEDUA PULA BERJAYA SEHINGGA KE PUSINGAN SEPARUH AKHIR DAN BERJAYA MENDAPAT TEMPAT KETIGA BERSAMA MANAKALA BAGI PASUKAN DEBAT BAHASA INGGERIS, MEREKA TURUT BERJAYA SEHINGGA KE SEPARUH AKHIR.**





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# DEBAT SUKARELAWAN 2024 (DESUMA'24)










PERTANDINGAN DEBAT SUKARELAWAN MUDA (DESUMA'24) MERUPAKAN PERTANDINGAN DEBAT YANG DIANJURKAN OLEH PERTUBUHAN SUKARELAWAN SISWA UNISZA (PERSIS) UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN DAN FORMAT PERTANDINGAN INI ADALAH DEBAT PRESIDEN IAITU FORMAT PERTANDINGAN DEBAT SECARA BERSEORANGAN. PIHAK KELAB DEBAT DAN PIDATO UITM CAWANGAN KELANTAN TELAH MENGHANTAR SEORANG WAKIL IAITU PRESIDEN KELAB DEBAT DAN PIDATO SEBAGAI PESERTA DEBAT SUKARELAWAN 2024 (DESUMA'24)







BULETIN

Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PERTANDINGAN DEBAT TERBUKA ASTAR 2024








PERTANDINGAN DEBAT TERBUKA ASTAR 2024 MERUPAKAN PERTANDINGAN DEBAT YANG TERTUA DI MALAYSIA. KALI INI, UITM TELAH MENGHANTAR BEBERAPA ORANG WAKIL MEWAKILI UITM SEMALAYSIA UNTUK KE PERTANDINGAN DEBAT ASTAR. SATU PESERTA DARI 9 PASUKAN YANG DIHANTAR ADALAH PESERTA DARI UITM CAWANGAN KELANTAN YANG MERUPAKAN PENDEBAT UITM KELANTAN SERTA PRESIDEN KELAB DEBAT DAN PIDATO. PASUKAN YANG DIWAKILI OLEH PESERTA DARI UITM CAWANGAN KELANTAN BERJAYA MARA SEHINGGA KE PSUINGAN SEPARUH AKHIR DAN BERJAYA MEMPEROLEHI TEMPAT KETIGA BERSAMA DI PERTANDINGAN DEBAT TERBUKA ASTAR 2024 TERSEBUT. TAHNIAH DIUCAPKAN KEPADA NURIMAN AYUNI PRESIDEN KELAB DEBAT DAN PIDATO KERANA TELAH BERJAYA MENGHARUMKAN NAMA UITM SERTA NAMA UITM CAWANGAN KELANTAN DI PERTANDINGAN DEBAT TERBUKA ASTAR







BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

KHIDMAT MASYARAKAT DAN SOSIAL

# HARI BERSAMA AHLI ICARE








Program ini bermula pada 8:30 malam dengan ketibaan ahli kelab dan persediaan acara. Selepas ketibaan tetamu kehormat, majlis dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan, doa, dan ucapan daripada Pengarah Program, Presiden Kelab, dan Penasihat Program. Sesi suai kenal diadakan antara Majlis Tertinggi, Exco, dan ahli kelab. Kemudian, tayangan montaj aktiviti kelab diikuti dengan sesi beramah mesra dan permainan. Program diteruskan dengan soal jawab dan sesi fotografi bersama semua yang terlibat sebelum berakhir pada 10:30 malam.





BULETIN

KELAB ICARE MALAYSIA UITMCK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# AUTHENTIC MELAKA








Program U'CliCb: _Authentic_ Melaka ini telah diadakan selama 3 hari iaitu pada 5 hingga 7 Disember 2024 (Khamis hingga Sabtu) di Fakulti Fotografi dan Pengimejan Kreatif, UiTM Alor Gajah dan sekitar Melaka. Program ini melibatkan 29 orang peserta dan ianya terbuka kepada semua mahasiswa sama ada ahli kelab U'CliCb mahupun bukan ahli kelab U'CliCb. Program ini adalah satu program di luar universiti yang bertujuan memberi peluang kepada mahasiswa untuk meningkatkan penglibatan pelajar secara fizikal dalam program industri kreatif. Selain itu, memperluas pengetahuan mahasiswa melalui pengalaman praktikal yang boleh memberi impak kepada mereka. Di samping itu, membentuk kesedaran sosial dan kepimpinan melalui perkhidmatan kepada komuniti tempatan.





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PROGRAM AWARENESS ON CERVICAL CANCER AND HPV VACCINATION









PROGRAM 'AWARENESS ON CERVICAL CANCER AND HPV VACCINATION' INI MERUPAKAN PROGRAM YANG DIANJURKAN OLEH KELAB PROSIS DENGAN KERJASAMA NATIONAL CANCER SOCIETY MALAYSIA DAN POLIKLINIK OPTIMA YANG BERLANGSUNG PADA 13 DISEMBER 2024(JUMAAT) PADA 8.30 MALAM HINGGA 11.00 MALAM DAN 14 DISEMBER 2024 PADA 9.00 PAGI HINGGA 12.30 TENGAH HARI. PROGRAM INI BERTUJUAN UNTUK MEMBERIKAN PENGETAHUAN YANG TEPAT MENGENAI KANSER SERVIKS KEPADA PELAJAR DAN MEMUPUK KESEDARAN PELAJAR BERKAITAN PENCEGAHAN MELALUI VAKSINASI HPV. PERANAN UTAMA PROGRAM INI ADALAH BAGI MENDIDIK PELAJAR MENGENAI LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN KANSER SERVIKS. SELAIN ITU, PROGRAM INI DIANJURKAN SELARAS DENGAN MATLAMAT IAITU UNTUK MENGGALAKKAN PELAJAR MELIBATKAN DIRI SECARA AKTIF DALAM MENJAGA KESIHATAN DIRI DAN MEMBERIKAN MEREKA PENDEDAHAN TENTANG RISIKO JANGKITAN HPV.






KREATIF DAN INOVASI

Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PROGRAM AURA PUSAKA

TARIKH: 25 DAN 26 OKTOBER 2024
TEMPAT: HRD(A), UiTM CAWANGAN KELANTAN, KAMPUS MACHANG
MASA: 2.00 PETANG - 6.00 PETANG








PROGRAM AURA PUSAKA MERUPAKAN PROGRAM ANJURAN JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUN DR. MAHARHIR YANG TELAH BERLANGSUNG SECARA FIZIKAL. PROGRAM INI DIADAKAN PADA 25 DAN 26 OKTOBER 2024 YANG BERTEMPAT DI HRD(A), UiTM CAWANGAN KELANTAN, KAMPUS MACHANG.

PROGRAM INI DIANJURKAN SECARA FIZIKAL BERTUJUAN UNTUK MENGUJI, MENGUKUHKAN SEMANGAT BERPASUKAN DAN MEMBANTU MEMUPUK TANGGUNGJAWAB DALAM KALANGAN PESERTA SERTA MENINGKATKAN MINAT TERHADAP SENI. SELAIN ITU, PROGRAM INI BERTUJUAN UNTUK MENGUMPUL DANA BAGI MENYOKONG AKTIVITI JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUN DR. MAHATHIR. AKHIR SEKALI, PROGRAM INI BERTUJUAN UNTUK MEMBANTU MENGURANGKAN TEKANAN EMOSI DALAM KALANGAN MAHASISWA DENGAN MENYEDIAKAN HIBURAN BERBENTUK KESENIAN YANG BERBEZA DARIPADA KEBIASAAN.





BULETIN

JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUN DR. MAHATHIR

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# EMBRACE YOUR INNER PEACE: UNLOCK THE SECRET OF CALM








Pada 16 Disember 2024, Kelab Pembimbing Efektif Rakan Sebaya (PEERS) dan Unit Kerjaya Kaunseling (UKK) dengan kerjasama Naufal Isa *Enterprise* telah menganjurkan Program *Embrace Your Inner Peace: Unlock the Secret of Calm*. Program ini berlangsung di Dewan Profesional, UiTM Cawangan Kelantan. Antara objektif utama program adalah bertujuan bagi mengispirasikan individu dalam mengenali kekuatan dan potensi diri melalui pendekatan perkongsian kreatif sarat dengan motivasi. Selain itu, memberi pendedahan kepada mahasiswa berkaitan kemahiran insaniah, meningkatkan keyakinan diri dan keberanian untuk mencuba perkara-perkara baharu sekaligus dapat mendorong mahasiswa meneroka potensi dalam pembinaan akademik dan juga kerjaya. Pihak penganjur berjaya mencapai sasaran peserta iaitu seramai 600 orang mahasiswa telah menyertai program yang berimpak tinggi ini.





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# HARI BERSAMA AHLI




POSTER PROGRAM



GAMBAR VVIP



GAMBAR AJK

PROGRAM "HARI BERSAMA AHLI GPMS" IALAH PROGRAM YANG DAPAT MEMPERKENALKAN SELURUH BARISAN AHLI MAJLIS TERTINGGI DAN EXCO GPMS LEGASI 19. PROGRAM INI TELAH DIJALANKAN PADA 16 DISEMBER 2024 SECARA FIZIKAL DI HRD A, UITM CAWANGAN KELANTAN.

PROGRAM HARI BERSAMA AHLI INI MERUPAKAN PROGRAM YANG DAPAT MENGERATKAN HUBUNGAN DI ANTARA AHLI BARU DAN BARISAN AHLI MAJLIS. PROGRAM INI MEMPUNYAI TUJUAN DI MANA SEMUA AHLI GPMS DAPAT MENYEMARAKKAN KERJASAMA DAN KEPIMPINAN KERJA BERPASUKAN DI KALANGAN AHLI PERSATUAN.

OLEH ITU, KAMI PERSATUAN GABUNGAN PELAJAR MELAYU SEMENANJUNG (GPMS) CAWANGAN KHAS UITM CAWANGAN KELANTAN INGIN MENGAMBIL INISIATIF UNTUK MELAKSANAKAN PROGRAM INI BAGI MEMPERKENALKAN VISI DAN MISI GPMS KEPADA SEMUA AHLI PERSATUAN



GAMBAR PERASMI



GAMBAR PROGRAM

GABUNGAN PELAJAR MELAYU SEMENANJUNG

BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# BONDING AND LEARNING








**Program Bonding and Learning yang bertemakan kepimpinan ini bertujuan untuk melahirkan semangat kerjasama dan bersatu padu dalam kalangan mahasiswa. Selain itu, program ini adalah untuk melahirkan pemimpin yang bertauliah dan berdedikasi serta meningkatkan kesiap-siagaan dalam diri mahasiswa untuk menghadapi cabaran sesuatu program. Program ini bermula pada 1 November 2024 sehingga 2 November 2024. Melalui program ini, peserta akan diberikan pendedahan mengenai Kolej Tun Hussein Onn serta tugas yang akan mereka galas pada masa akan datang. Di samping itu, peserta akan dijelaskan mengenai ciri-ciri yang mereka perlu amalkan ketika menjalankan tanggungjawab.**





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# ASNB: KEMBARA CELIK KEWANGAN








Program ASNB: Kembara Celik Kewangan telah diadakan pada 22 dan 23 Oktober 2024, bertempat di Bilik Teater Pusat Pelajar, UiTM Cawangan Kelantan. Program ini telah disertai seramai 100 orang peserta. Program ini dilaksanakan bertujuan untuk memberi pendedahan dan menambah pengetahuan serta kefahaman mengenai pengurusan kewangan kepada mahasiswa secara menyeluruh. Seterusnya, program ini dapat memupuk mahasiswa yang bijak dalam menangani secara masalah secara lebih sistematik. Selain itu, program ini juga dapat memberi kesedaran kepada semua mahasiswa mengenai pentingnya pengurusan wang dari usia muda. Akhir sekali, program ini juga dapat memberi pengetahuan yang baharu kepada mahasiswa bagi merancang masa depan supaya lebih terjamin.






BULETIN

JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUN HUSSEIN ONN
DENGAN KERJASAMA AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# SOBELLA MAKEUP BATTLE UNIVERSITY VERSION








Pada 3 November 2024, SOBELLA MAKEUP BATTLE UNIVERSITY VERSION berjaya diadakan di Dewan Profesional, UiTM Cawangan Kelantan dengan penyertaan 80 pelajar bertemakan Korean Makeup. Acara ini memberi platform kepada pelajar untuk mempamerkan kreativiti dan teknik solekan, sambil meningkatkan kesedaran tentang trend solekan Korea. Selain pertandingan, sesi perkongsian oleh pakar kecantikan memberi pendedahan kepada peserta tentang teknik terkini dan peluang kerjaya dalam industri kecantikan





BULETIN

PERSATUAN CULTURAL UNIT THEATRE (C.U.T.E) & KELAB SERI SERANGKAI TARI (SST)

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# TEAM BUILDING : THE LAST RIDE








PROGRAM *TEAM BUILDING : THE LAST RIDE* INI DIANJURKAN OLEH PERSATUAN *DIPLOMA IN QUANTITATIVE OF SCIENCE MATHEMATICS ASSOCIATION* (DIQMA) INI DIADAKAN PADA 15 DAN 16 NOVEMBER 2024 BERTEMPAT DI BLOK D, UITM CAWANGAN KELANTAN, KAMPUS MACHANG. PROGRAM INI BERTUJUAN UNTUK MENGUJI KEPIMPINAN SEKRETARIAT YANG BAKAL MENGGANTIKAN BARISAN MAJLIS TERTINGGI DAN EXCO PERSATUAN DIQMA SERTA MELATIH SIFAT KERJASAMA DI ANTARA SEKRETARIAT DIQMA YANG LAMA DAN YANG BAHARU. SEKALIGUS DAPAT MERAPATKAN LAGI HUBUNGAN SILATURAHIM DI ANTARA SEMUA AHLI SEKRETARIAT PERSATUAN DIQMA






BULETIN

PERSATUAN *DIPLOMA IN QUANTITATIVE OF SCIENCE MATHEMATICS ASSOCIATION*

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# HARI BERSAMA AHLI








**SINOPSIS PROGRAM**

Hari Bersama Ahli merupakan program yang telah dianjurkan oleh High Achievers' Club (HAC) UiTM Cawangan Kelantan. Objektif utama program ini diadakan adalah untuk meraikan kehadiran serta memastikan ahli-ahli baharu High Achievers' Club merasa disambut dan diterima dengan baik ke dalam kelab.

Program ini telah berjaya dilaksanakan dengan penglibatan seramai 49 orang peserta. Program ini berlangsung dari pukul 8:30 malam hingga 10:20 malam.

Aktiviti dimulai dengan pendaftaran peserta. Sejurus itu program dimulakan dengan ucapan daripada penasihat High Achievers' Club dan diteruskan dengan aktiviti Mimic Cue. Kemudian, sesi bergambar dan sesi mengimbas Qr e-merit dilakukan pada jam 10:20 malam

Akhir kata, program ini telah berjaya dijalankan dengan lancar walaupun terdapat banyak kekurangan dan kelemahan. Kami berharap agar objektif kami untuk meraikan kehadiran serta memastikan ahli-ahli baharu High Achievers' Club merasa disambut dan diterima dengan baik ke dalam kelab tercapai.





BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PRACTICAL TALK ABOUT PHOTOGRAPHY












Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada mahasiswa UiTM Cawangan Kelantan tentang dunia fotografi melalui sesi ceramah yang komprehensif dan praktikal secara langsung. Sesi ceramah akan disampaikan oleh pakar-pakar fotografi yang berpengalaman, yang akan berkongsi pengetahuan tentang teknik-teknik asas dan lanjutan dalam fotografi, penggunaan peralatan kamera, serta trend terkini dalam industri. Program ini bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan kemahiran teknikal mahasiswa, tetapi juga untuk menginspirasikan mereka untuk mengejar karier dalam bidang fotografi atau sekadar menjadikan fotografi sebagai hobi yang bermakna.



UITM CLICK CLUB (U'CLICB)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PHOTOWALK HEALING








**Aktiviti ini bertujuan untuk mengajak mahasiswa berjalan di sekitar UiTM Machang sambil mengambil gambar keindahan alam dan kehidupan seharian, termasuk orang lalu lalang. Photowalk healing bukan sahaja memberikan peluang kepada peserta untuk mengasah kemahiran fotografi mereka, tetapi juga membantu mereka berhubung dengan alam semula jadi dan masyarakat sekeliling. Aktiviti ini juga bertujuan untuk mengurangkan tekanan dan meningkatkan kesejahteraan mental peserta dengan memberikan mereka peluang untuk berehat dan menikmati keindahan kampus. Fotografi boleh menjadi terapi yang efektif, membantu individu mengekspresikan diri dan mencari ketenangan melalui lensa kamera.**





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# U'CLICB FLIX NIGHT








Panggung U'CliCb akan dapat meluaskan pendedahan mahasiswa tentang seni sinematografi dengan menayangkan filem produksi Malaysia yang menerima anugerah sinematografi terbaik. Aktiviti ini membuktikan bahawa seni fotografi dan videografi mempunyai cabang yang luas dan mampu menjamin masa depan yang cerah. Selain itu, ia juga berfungsi untuk meningkatkan dana kelab U'CliCb secara tidak langsung, serta memperkaya pengalaman mahasiswa dalam dunia sinematik.





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PERTANDINGAN MOBILGRAFI










Pertandingan mobilgrafi adalah untuk mengasah bakat dan kemahiran mahasiswa dalam seni fotografi dan videografi. Tambahan lagi, ia memberi peluang kepada mahasiswa untuk menonjolkan kreativiti dan potensi mereka di media sosial, sekaligus meningkatkan profil mereka dalam platform digital. Secara tidak langsung, ia juga memberi pendedahan bahawa mahasiswa UiTM Cawangan Kelantan merupakan generasi yang kreatif dan serba boleh, mampu bersaing dalam dunia digital yang semakin berkembang.







UITM CLICK CLUB (U'CLICB)

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# BOOTH JUALAN U'CLICB













**Booth jualan ini akan dilaksanakan bersama pameran fotografi U'CliCb yang mana bertujuan mengumpul dana untuk kelab U'CliCb dengan melibatkan mahasiswa dalam aktiviti keusahawanan. Booth jualan yang diadakan akan menawarkan pelbagai barangan seperti bunga dan jersi U'CliCb. Ia adalah jelas bahawa booth jualan ini dapat memupuk bakat dan kreativiti serta menonjolkan sifat keusahawanan dalam diri mahasiswa. Selain itu, ia juga mengajar mereka tentang pengurusan perniagaan dan interaksi pelanggan, yang amat berguna dalam dunia sebenar.**

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# BUSINESS BUBBLE TALK: STUDENT ENTREPRENEUR









**SINOPSIS PROGRAM**

Program ini dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar iaitu Encik Meer Zhar Farouk Amir Razli dan sekaligus merasmikan program Business Bubble Talk: Student Entrepreneur bersama-sama penceramah jemputan. Kemudian, penceramah jemputan memulakan ceramah dengan dijemput ke pentas bagi menjawab soalan soalan yang ditanya oleh moderator yang merupakan salah seorang daripada AJK pelaksana. Antara topik utama dalam sesi ceramah Question & Answer adalah mengenai berniaga sambil menjadi seorang pelajar. Setelah sesi ceramah selesai, program diteruskan dengan sesi soal jawab daripada peserta kepada penceramah jemputan. Akhir sekali, program diakhiri dengan sesi bergambar dan bersurai.





BULETIN

# TAYANGAN SKRIN MEGA BOLA SEPAK HARIMAU MALAYA DALAM SAINGAN *ASEAN MITSUBISHI ELECTRIC CUP 2024*












Program ini dicadang bertujuan melebarkan lagi sokongan dan memperkasakan lagi sorakan masyarakat khususnya dalam kalangan mahasiswa sebagai 'pemain ke-12' skuad Harimau Malaya terhadap perkembangan standard bola sepak negara. Program ini juga bermatlamat sebagai platform kepada mahasiswa untuk meningkatkan pengetahuan am tentang misi dan visi mutlak yang telah dirangka oleh *Football Association of Malaysia* (FAM).

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# BUSINESS OPPORTUNITY ZERO RISK








**SINOPSIS PROGRAM**

Program "Business Opportunity ZERO RISK" adalah inisiatif khas untuk mahasiswa yang bertujuan memberi peluang kepada mereka untuk menjana pendapatan tanpa risiko. Program ini dapatmemperkukuhkan kemahiran "soft skills" mahasiswa. Program ini juga bertujuan untuk menarik lebih ramai mahasiswa ke dalam bidang perniagaan. Idea program ini tercetus melalui perbincangan di kalangan pelajar, ahli jawatankuasa, dan pensyarah sebagai penasihat kelab. Program ini menekankan perkongsian maklumat dan aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan akademik dan ilmiah. Diharapkan program ini dapat dijadikan medan untuk meningkatkan kecemerlangan akademik mahasiswa serta melahirkan graduan pelajar yang cemerlang dalam bidang perniagaan.





BULETIN

# PERTANDINGAN DEBAT PIALA REKTOR 2024








kelab Debat dan Pidato telah menganjurkan Pertandingan Debat Piala Rektor 2024 yang dijalankan secara hybrid menggunakan platform *Google Meet* dan bertempat di Blok D, UiTM Cawangan Kelantan, Kampus Machang. Pertandingan ini diadakan selama 3 hari bermula 12 sehingga 14 Disember 2024. Pada pusingan awal iaitu 12 dan 13 Disember 2024, ia diadakan secara online menggunakan platform *Google Meet*, manakala pusingan separuh akhir dan pusingan akhir diadakan secara bersemuka di Blok D, UiTM Cawangan Kelantan, Kampus Machang. Pertandingan ini melibatkan wakil dari Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Kampus Kota Bharu serta wakil dari setiap fakulti. Pertandingan ini mmpunyai dua kategori iaitu Debat Bahasa Melayu dan Debat Bahasa Inggeris.






Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PROGRAM PETAH BICARA INTENSIF: SEMINAR ASAS DEBAT









PROGRAM SEMINAR ASAS DEBAT INI DIANJURKAN BAGI MEMBERI PENDEDAHAN AWAL MENGENAI ASAS-ASAS DEBAT DAN MENGGILAP BAKAT PELAPIS DEBAT DAN PIDATO UiTM CAWANGAN KELANTAN DAN MEMUPUK KEMAHIRAN ARAS BERFIKIRAN ARAS TINGGI SERTA KEMAHIRAN KOMUNIKASI YANG BAIK







BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# FROM SEED TO SCALE: FINANCING YOUR STARTUP'S GROWTH JOURNEY









Program ***From Seed to Scale: Financing Your Startup's Growth Journey*** **ini memberikan pendedahan yang mendalam kepada para peserta mengenai pelbagai kaedah dan strategi pembiayaan yang sesuai untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan. Secara keseluruhannya, program ini memberi pendedahan yang berharga kepada para mahasiswa dalam memahami dan mengaplikasikan strategi pembiayaan yang sesuai untuk memajukan perniagaan mereka.**





BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PEMENTASAN MUZIKAL TEATER "HAK AKU!"








Aktiviti pementasan teater merupakan salah satu aspek penting dalam pengalaman dan pembangunan pelajar terutamanya yang berada dalam bidang seni dan kebudayaan. Dengan fokus pada pembangunan bakat seni lakonan dan pengurusan pentas, program-program teater di UiTM sering kali melibatkan pelbagai aktiviti seperti latihan lakonan, penyelidikan skrip, rekaan set, serta promosi dan pengurusan acara. Melalui pementasan-pementasan yang diadakan di peringkat kampus, pelajar diberi peluang untuk mengekspresikan kreativiti mereka sambil mengembangkan kemahiran lakonan, pengurusan acara, dan kerjasama kumpulan. Aktiviti ini tidak hanya memperkaya pengalaman akademik pelajar dalam bidang seni lakonan dan teater, tetapi juga menyumbang kepada kepelbagaian budaya dan kehidupan kampus yang dinamik di UiTM khususnya UiTM Cawangan Kelantan.





BULETIN

KELAB SENI KEBUDAYAAN DUNIA SARJANA (SKEDSA)

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# MUET CLASS LEARN TO SUCCEED








PROGRAM *MUET CLASS: LEARN TO SUCCEED* YANG DIANJURKAN OLEH PERSATUAN *DIPLOMA IN QUANTITATIVE OF SCIENCE MATHEMATICS ASSOCIATION* (DIQMA) INI DIADAKAN PADA 30 NOVEMBER 2024 (SABTU) BERTEMPAT DI AUD200, BLOK D, UITM CAWANGAN KELANTAN. PROGRAM INI BERTUJUAN UNTUK MENINGKATKAN ILMU PENGETAHUAN MAHASISWA DARI SEGI PENGUASAAN BAHASA, KEMAHIRAN MENDENGAR, MENULIS DAN BERTUTUR UNTUK MENGHADAPI PEPERIKSAAN *MUET* SEKALIGUS MENGELAKKAN MAHASISWA BERKOMUNIKASI DALAM BAHASA INGGERIS DENGAN BAIK. SETERUSNYA, DAPAT MEMBINA KEYAKINAN MAHASISWA BAHAWA MEREKA BERPOTENSI UNTUK BERJAYA DAN MENCAPAI KEPUTUSAN *MUET* YANG CEMERLANG.





BULETIN

PERSATUAN *DIPLOMA IN QUANTITATIVE OF SCIENCE MATHEMATICS ASSOCIATION*

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# ELITE LEADERSHIP








Objektif penganjuran program ini adalah:

1. Mengembangkan potensi kepimpinan dalam kalangan ahli Persatuan Silat Cekak UiTM Cawangan Kelantan.
2. Meningkatkan nilai komunikasi sesama ahli supaya lebih bersifat terbuka serta mewujudkan komunikasi yang efektif.
3. Mengasah kemampuan ahli Silat Cekak untuk berfikir di luar kebiasaan dan mengasah kreativiti dalam menginovasikan idea-idea bagi menaikkan nama Persatuan Silat Cekak UiTM Cawangan Kelantan.
4. Memperkukuhkan lagi pengurusan organisasi Persatuan Silat Cekak UiTM Cawangan Kelantan.
5. Memberi pendedahan mengenai Silat Cekak Pusaka Hanafi kepada ahli baharu.






BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# USRAH CITRA MAHASISWA








Program "Usrah Citra Mahasiswa" merupakan program anjuran Kelab Association of Muamalat Studies (ATLAS) yang akan berlansung dari 13 Oktober 2024 hingga 21 Disember 2024 yang diadakan di sekitar UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang. Sesi taujih dan tazkirah akan diadakan secara mingguan, menekankan aspek-aspek penting dalam Islam seperti aqidah, ibadah, dan akhlak, dengan fokus kepada isu-isu semasa yang relevan dengan kehidupan mahasiswa. Selain itu, sesi diskusi dan perkongsian ilmu akan menjadi platform interaktif di mana peserta dapat berkongsi pandangan dan pengalaman, menggalakkan pemikiran kritis mengenai isu-isu agama dan sosial.





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# SEMAIAN BAKTI ANAK-ANAK PUAN SALIMAH BERSAMA PARLIMEN BELIA










PROGRAM SEMAIAN BAKTI ANAK-ANAK YATIM PUAN SALIMAH BERSAMA PARLIMEN BELIA ANJURAN *ASSOCIATION OF MUAMALAT STUDIES* (ATLAS) DENGAN KERJASAMA PARLIMEN BELIA KELANTAN, MALAYSIA TELAH DIADAKAN PADA 4 JANUARI 2025 BERMULA DARI 9.00 PAGI HINGGA 2 PETANG DI RUMAH ANAK YATIM PUAN SALIMAH, BACHOK, KELANTAN. PROGRAM INI TELAH DIRASMIKAN OLEH ENCIK MEER ZHAR FAROUK AMIR RAZLI YANG TURUT DIHADIRI OLEH WAKIL DARI PARLIMEN BELIA IAITU SAUDARA HAKIM ROSLAN. PROGRAM GOTONG-ROYONG YANG DIADAKAN INI BERTUJUAN UNTUK MERAPATKAN LAGI HUBUNGAN DI ANTARA AHLI ATLAS DAN ANAK-ANAK YATIM DI PERUMAHAN TERSEBUT. SELAIN ITU, PROGRAM INI TURUT MEMBANTU MENGASAH BAKAT INDIVIDU SERTA KERJASAMA SECARA BERKUMPULAN.





BULETIN

*ASSOCIATION OF MUAMALAT STUDIES* (ATLAS)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# ACCOUNTING SPORTS DAY








Program Accounting Sport Day ini merupakan satu program sukan anjuran Members of Bachelor in Accountancy Society (Membaccs) dengan kerjasama MARA University of Technology Accountancy Society (MUTAC) dan Fakulti Perakaunan UiTMCK untuk memupuk semangat kerjasama dan kesukanan melalui aktiviti berkumpulan. Program ini diadakan di Kompleks Sukan, UiTMCK pada 4 Januari 2025 serta melibatkan 300 mahasiswa UiTMCK, 55 ahli jawatankuasa dan 4 orang penasihat persatuan.Akhir sekali program ini telah berjalan dengan lancar dan memberi impak positif kepada para peserta.





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# SEMAIAN BAKTI ANAK-ANAK PUAN SALIMAH BERSAMA PARLIMEN BELIA










**PROGRAM SEMAIAN BAKTI ANAK-ANAK YATIM PUAN SALIMAH BERSAMA PARLIMEN BELIA ANJURAN *ASSOCIATION OF MUAMALAT STUDIES* (ATLAS) DENGAN KERJASAMA PARLIMEN BELIA KELANTAN, MALAYSIA TELAH DIADAKAN PADA 4 JANUARI 2025 BERMULA DARI 9.00 PAGI HINGGA 2 PETANG DI RUMAH ANAK YATIM PUAN SALIMAH, BACHOK, KELANTAN. PROGRAM INI TELAH DIRASMIKAN OLEH ENCIK MEER ZHAR FAROUK AMIR RAZLI YANG TURUT DIHADIRI OLEH WAKIL DARI PARLIMEN BELIA IAITU SAUDARA HAKIM ROSLAN. PROGRAM GOTONG-ROYONG YANG DIADAKAN INI BERTUJUAN UNTUK MERAPATKAN LAGI HUBUNGAN DI ANTARA AHLI ATLAS DAN ANAK-ANAK YATIM DI PERUMAHAN TERSEBUT. SELAIN ITU, PROGRAM INI TURUT MEMBANTU MENGASAH BAKAT INDIVIDU SERTA KERJASAMA SECARA BERKUMPULAN.**





BULETIN

***ASSOCIATION OF MUAMALAT STUDIES* (ATLAS)**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# GEMA *FUSION* (MINGGU KESENIAN)












**Program ini melibatkan 610 mahasiswa UiTM Cawangan Kelantan khusunya kalangan ahli kelab kebudayaan. Terdapat 22 buah persembahan termasuk nyanyian, dikir barat, gamelan dan tarian yang dipersembahkan. Program ini juga mengasah teknik pengurusan pentas, tatarias dan teknikal dalam kalangan pelajar.**

**CUTE X SKEDSA X SERI SERANGKAI TARI X EISART X DIKIR BARAT SRI ARJUNA**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# FASHION SHOW (MINGGU KESENIAN)












Pertunjukan fesyen adalah persembahan peragaan hasil seni dan ciptaan yang dibuat oleh pereka-pereka fesyen tempatan. Dalam satu sudut lainya program ini menjadi satu platform kepada pelajar untuk menunjukkan kreativiti dan bakat mereka dalam rekaan fesyen, penataan gaya, dan persembahan. Program ini membantu peserta meningkatkan keyakinan diri melalui pengalaman berjalan di atas pentas dan mempersembahkan diri di hadapan penonton. Program ini bukan semata-mata dijalankan bagi tujuan komersial, tetapi juga untuk menjalin hubungan erat dengan industri fesyen dan perniagaan tempatan. Melalui program ini, pihak luar dapat menyediakan penajaan dalam bentuk pakaian, aksesori, atau peralatan lain yang diperlukan untuk acara dan seterusnya membantu dalam promosi dan pemasaran program melalui platform mereka sendiri, termasuk media sosial, laman web, dan media cetak.

BULETIN

CULTURAL UNIT THEATRE (CUTE ) X SENI KEBUDAYAAN DUNIA SARJANA (SKEDSA)

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PERTANDINGAN AERODANCE ANTARA FAKULTI (FAERO)







**SINOPSIS PROGRAM**

**Pertandingan Aerodance Antara Fakulti merupakan satu program pertandingan senaman yang melibatkan semua wakil fakulti masing-masing. Program ini diadakan bertujuan memberikan kesedaran kepada mahasiswa untuk melakukan aktiviti secara berkumpulan, sekaligus melahirkan mahasiswa yang aktif dan cergas dalam mengamalkan gaya hidup sihat.**





BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PERTANDINGAN AERODANCE ANTARA FAKULTI (FAERO)







**SINOPSIS PROGRAM**

**Pertandingan Aerodance Antara Fakulti merupakan satu program pertandingan senaman yang melibatkan semua wakil fakulti masing-masing. Program ini diadakan bertujuan memberikan kesedaran kepada mahasiswa untuk melakukan aktiviti secara berkumpulan, sekaligus melahirkan mahasiswa yang aktif dan cergas dalam mengamalkan gaya hidup sihat.**





BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# FASHION SHOW (MINGGU KESENIAN)








Pertunjukan fesyen adalah persembahan peragaan hasil seni dan ciptaan yang dibuat oleh pereka-pereka fesyen tempatan. Dalam satu sudut lainya program ini menjadi satu platform kepada pelajar untuk menunjukkan kreativiti dan bakat mereka dalam rekaan fesyen, penataan gaya, dan persembahan. Program ini membantu peserta meningkatkan keyakinan diri melalui pengalaman berjalan di atas pentas dan mempersembahkan diri di hadapan penonton. Program ini bukan semata-mata dijalankan bagi tujuan komersial, tetapi juga untuk menjalin hubungan erat dengan industri fesyen dan perniagaan tempatan. Melalui program ini, pihak luar dapat menyediakan penajaan dalam bentuk pakaian, aksesori, atau peralatan lain yang diperlukan untuk acara dan seterusnya membantu dalam promosi dan pemasaran program melalui platform mereka sendiri, termasuk media sosial, laman web, dan media cetak.





BULETIN

CULTURAL UNIT THEATRE (CUTE ) X SENI KEBUDAYAAN DUNIA SARJANA (SKEDSA)

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# COLLEGE AERODANCE TOUR









**SINOPSIS PROGRAM**

**College Tour Aerodance by SST and JTK March – August merupakan satu program aktiviti senaman yang melibatkan semua mahasiswa UiTMCK. Program ini diadakan bertujuan memberikan kesedaran kepada mahasiswa untuk melakukan aktiviti secara berkumpulan, sekaligus melahirkan mahasiswa yang aktif dan cergas dalam mengamalkan gaya hidup sihat.**





BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# GEMA *FUSION* (MINGGU KESENIAN)












**Program ini melibatkan 610 mahasiswa UiTM Cawangan Kelantan khusunya kalangan ahli kelab kebudayaan. Terdapat 22 buah persembahan termasuk nyanyian, dikir barat, gamelan dan tarian yang dipersembahkan. Program ini juga mengasah teknik pengurusan pentas, tatarias dan teknikal dalam kalangan pelajar.**

**CUTE X SKEDSA X SERI SERANGKAI TARI X EISART X DIKIR BARAT SRI ARJUNA**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# SOBELLA MAKEUP BATTLE UNIVERSITY VERSION








Pada 3 November 2024, SOBELLA MAKEUP BATTLE UNIVERSITY VERSION berjaya diadakan di Dewan Profesional, UiTM Cawangan Kelantan dengan penyertaan 80 pelajar bertemakan Korean Makeup. Acara ini memberi platform kepada pelajar untuk mempamerkan kreativiti dan teknik solekan, sambil meningkatkan kesedaran tentang trend solekan Korea. Selain pertandingan, sesi perkongsian oleh pakar kecantikan memberi pendedahan kepada peserta tentang teknik terkini dan peluang kerjaya dalam industri kecantikan





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PROGRAM *THREEFOLD HARMONY*








**SINOPSIS PROGRAM**

THREEFOLD HARMONY IALAH SEBUAH PROGRAM YANG DIRANCANG UNTUK MEMBERI PELUANG KEPADA MAHASISWA MEREHATKAN MINDA SETELAH MENGHADAPI TEKANAN DAN CABARAN SEPANJANG SESI KULIAH. DENGAN ELEMEN HIBURAN SEPERTI PERSEMBAHAN MUZIK, PROGRAM INI BUKAN SAHAJA MEMBANTU MAHASISWA MENGHILANGKAN RASA PENAT TETAPI JUGA MEMBERIKAN SUNTIKAN SEMANGAT BARU. SELAIN ITU, MELALUI MESEJ YANG DISAMPAIKAN, PROGRAM INI MAMPU MENJADI SUMBER INSPIRASI, MENGGALAKKAN MAHASISWA UNTUK TERUS BERUSAHA MENGEJAR IMPIAN MEREKA, SAMA ADA DALAM BIDANG AKADEMIK, SENI, ATAU MINAT PERIBADI LAIN





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# COMMUNITY SERVICE: COMMUNITY SUPPORT FOR CHILDREN








Program ini berfokus kepada bidang akademik di mana ahli jawatankuasa yang terlibat akan membina sudut bacaan. Program ini akan dibantu oleh beberapa pelajar dari Universitas Airlangga dan staf Perpustakaan Tengku Anis. Program ini dibahagikan kepada dua sesi: sesi pertama melibatkan aktiviti membina sudut bacaan, manakala sesi kedua adalah sukaneka bersama anak-anak yatim.






BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PROGRAM VILLAGE IN ACTION: TUMPAT, KELANTAN












## SINOPSIS PROGRAM

PROGRAM VILLAGE IN ACTION: TUMPAT, KELANTAN ADALAH SEBUAH INISIATIF YANG DIRANCANG UNTUK MEMBERIKAN BIMBINGAN DAN SOKONGAN KEPADA KANAK-KANAK MELALUI PELBAGAI ASPEK PENTING DALAM KEHIDUPAN MEREKA. OLEH ITU, PROGRAM INI MEMFOKUSKAN KEPADA PEMBANGUNAN KEMAHIRAN DALAM PEMASARAN DIGITAL DAN KEUSAHAWANAN KEPADA KOMUNITI SERTA AKADEMIK DENGAN PENEKANAN KHUSUS KEPADA PENGAJARAN MATEMATIK. MELALUI PENGLIBATAN AKTIF DALAM PROGRAM INI, KANAK-KANAK DAN KOMUNITI DAPAT MEMBINA KEPERCAYAAN DIRI, MENGUKUHKAN HUBUNGAN SOSIAL, DAN MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN MEREKA SECARA KESELURUHAN.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# FORUM BICARA SANTAI: NYAWA DAN AMANAH








Program Forum Bicara Santai: Nyawa dan Amanah yang telah berlangsung pada 6 Januari 2025 di Auditorium 300, UiTM Cawangan Kelantan. Seramai 243 peserta termasuk ajk pelaksana program yang telah menyertai program ini.

Program Forum Bicara Santai: Nyawa dan Amanah diadakan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan mahasiswa tentang kepentingan menghargai nyawa sebagai amanah yang dipertanggungjawabkan serta menerapkan nilai positif dalam diri setiap mahasiswa agar tidak melakukan sesuatu yang mampu membahayakan diri sendiri.






BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# ESKEP 2024: INDERALOKA







ESKEP 2024: Inderaloka merupakan sebuah program besar yang dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Cawangan Kelantan. Program ini bertujuan untuk memperkenalkan dan mempromosikan pelbagai kelab, persatuan, dan aktiviti di universiti kepada pelajar baharu serta pelajar sedia ada. Selain itu, program ini juga berfungsi sebagai jambatan yang menghubungkan pelajar dengan peluang-peluang di luar bilik kuliah, memperkenalkan pelbagai aktiviti kemahiran insaniah yang dapat membantu perkembangan peribadi pelajar.

Keistimewaan kali ini adalah kunjungan istimewa daripada Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP), yang menunjukkan sokongan penuh pihak universiti terhadap usaha memperkasa mahasiswa melalui program-program seperti ini. Kehadiran beliau memberikan inspirasi kepada peserta dan penganjur, sekali gus meningkatkan kredibiliti program sebagai platform utama untuk menyatukan pelajar dan mempromosikan pembangunan holistik di kampus.




























BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# INTERNATIONAL VOLUNTEERING PROGRAMME SERIES 2: LET'S STAND TOGETHER WITH PRIME MOVER UITM CAWANGAN KELANTAN X UNIVERSITAS SUMATERA UTARA









## SINOPSIS PROGRAM

PROGRAM INTERNATIONAL VOLUNTEERING PROGRAMME SERIES 2: LET'S STAND WITH PRIME MOVER UITM CAWANGAN KELANTAN X UNIVERSITAS SUMATERA UTARA DIADAKAN BERTUJUAN UNTUK MEMBERI ILMU SERTA INFORMASI KEPADA PARA PENGUSAHA KECIL TENTANG PEMASARAN DIGITAL BAGI MENJANA PENDAPATAN PADA MASA KINI DAN MENINGKATKAN KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT BAGI MEMBANTU MENSTABILKAN EKONOMI NEGARA. PROGRAM INI JUGA MAMPU MEMBERI PELUANG KEPADA MAHASISWA UITM CAWANGAN KELANTAN KAMPUS MACHANG UNTUK BERTUKAR pPANDANGAN, BUDAYA, BAHASA DAN IDEA SERTA MENGERATKAN HUBUNGAN SILATURRAHIM DENGAN MAHASISWA UNIVERSITAS SUMATERA UTARA (USU) MEDAN, INDONESIA DAN MASYARAKAT SETEMPAT.





BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# BUSINESS BUBBLE TALK: STUDENT ENTREPRENEUR









**SINOPSIS PROGRAM**

Program ini dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar iaitu Encik Meer Zhar Farouk Amir Razli dan sekaligus merasmikan program Business Bubble Talk: Student Entrepreneur bersama-sama penceramah jemputan. Kemudian, penceramah jemputan memulakan ceramah dengan dijemput ke pentas bagi menjawab soalan soalan yang ditanya oleh moderator yang merupakan salah seorang daripada AJK pelaksana. Antara topik utama dalam sesi ceramah Question & Answer adalah mengenai berniaga sambil menjadi seorang pelajar. Setelah sesi ceramah selesai, program diteruskan dengan sesi soal jawab daripada peserta kepada penceramah jemputan. Akhir sekali, program diakhiri dengan sesi bergambar dan bersurai.





BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# FESTIVAL KOLEJ KE-16










Program Festival Kolej ke-16 yang berlangsung dari 22 hingga 26 Oktober 2024 telah melibatkan penyertaan mahasiswa UiTM Cawangan Kelantan, penduduk sekitar Machang dan peserta antarabangsa. Program ini bertujuan meningkatkan kemahiran mahasiswa dalam menangani masalah, berpersatuan dan menganjurkan aktiviti kreatif serta efektif. Selain itu, ia menggalakkan pengumpulan merit, mengukuhkan hubungan antara pemimpin dan mahasiswa serta memupuk kemahiran keusahawanan, menjadikan UiTM Cawangan Kelantan dikenali sebagai institusi yang aktif menganjurkan program bermanfaat.





BULETIN

JAWATANKUASA TERTINGGI KEDIAMAN (JTK) DENGAN KERJASAMA
JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ DAN NON RESIDEN (JPKNR)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# FESKO KE-16: AURA BANGSA INTERNATIONAL NETWORK




Program Aura Bangsa International Network melibatkan UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang bersama Universitas Airlangga, Guangxi Minzu Normal University, Prince of Songkla University, dan Fatoni University sebagai sebahagian daripada Festival Kolej Ke-16. Program ini bertujuan mengembangkan keterampilan global pelajar seperti komunikasi lintas budaya, pemecahan masalah antarabangsa, dan kepimpinan global, di samping memupuk persaingan sihat antara pelajar pelbagai negara. Ia juga berfungsi membangunkan jaringan kerjasama antara UiTM dan institusi antarabangsa untuk pertukaran pengetahuan dan sumber daya, serta mengukuhkan hubungan antara pelajar, staf, dan komuniti akademik global. Program ini mengukuhkan peranan UiTM Cawangan Kelantan sebagai institusi yang aktif di peringkat antarabangsa.









BULETIN

JAWATANKUASA TERTINGGI KEDIAMAN (JTK) DENGAN KERJASAMA JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ DAN NON RESIDEN (JPKNR)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar



# URBAN DISCOVERY: DISTANCE TO DIFFERENCE









Program *Urban Discovery: Distance to Difference* telah diadakan pada 16 - 21 November 2024 dan telah disertai oleh 16 orang peserta. Objektif program ini adalah untuk meneroka kaedah pengurusan, kemudahan dan penginapan kolej di Universitas Trisakti serta mengadakan lawatan sambil belajar bersama mahasiswa Universitas Trisakti. Di samping itu, program ini bertujuan untuk meneroka Fakulti Ekonomi dan Perniagaan di Universitas Trisakti serta bertukar pendapat dan idea mengenai budaya, etnik, dan bahasa bersama mahasiswa di universiti tersebut. Program ini juga diadakan bagi mewujudkan hubungan dengan organisasi luar untuk mencipta pengalaman baharu dalam kalangan mahasiswa.





BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PROGRAM *GROOMING MASTERY & BRUSH BATTLE WITH* MAAEZ *BEAUTY HQ "GLOW UP THE NEXT MAKEUP STAR"*








Pada 25 November 2024, Kelab Pembimbing Efektif Rakan Sebaya (PEERS) dan Unit Kerjaya Kaunseling (UKK) dengan kerjasama Maaez *Beauty HQ* telah menganjurkan Program *Grooming Mastery & Brush Battle With Maaez "Glow Up The Next Makeup Star"*. Program ini berlangsung di Dewan Profesional, UiTM Cawangan Kelantan. Objektif utama program ini diadakan adalah untuk memberikan pendedahan kepada mahasiswa tentang kaedah dandanan profesional ke arah alam pekerjaan dan memberi peluang kepada mahasiswa untuk membina rangkaian profesional dalam bidang keusahawanan dan kerjaya. Pihak penganjur berjaya mencapai sasaran peserta iaitu seramai 600 orang mahasiswa telah menyertai program yang berimpak tinggi ini.





Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# ANNUAL GRAND MEETING: "BOLLYWOOD FEAST: A NIGHT WITH SPARKLE"








Pada 2 Januari 2025, Kelab Pembimbing Efektif Rakan Sebaya (PEERS) telah menganjurkan Program *Annual Grand Meeting*: *"Bollywood Feast: A Night with Sparkle"*. Program ini berlangsung di *Premier Lounge*, UiTM Cawangan Kelantan. Antara objektif utama program adalah mengeratkan hubungan dengan lebih akrab di antara Jawatankuasa Kelab PEERS dan Sekretariat Kelab PEERS dan menerapkan nilai kepemimpinan dan meningkatkan kemahiran berkomunikasi serta keupayaan dalam diri ahli jawatankuasa kelab untuk menyempurnakan tugas. Selain itu, untuk melantik kepimpinan baharu dalam organisasi Kelab PEERS bagi sesi 2024/2025. Pihak penganjur berjaya memcapai sasaran peserta iaitu seramai 114 orang mahasiswa telah menyertai program yang berimpak tinggi ini.





BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# UNMASK YOUR POTENTIAL: A JOURNEY FROM PASSION TO SUCCESS









Program ini merupakan program motivasi yang dibawakan khas oleh penceramah jemputan luar iaitu Dr Ashraf Rostam. Program ini merupakan program atas talian yang berlangsung pada 17 November 2024





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# TREON : PEACE RUN AND CLASSICAL ZUMBA









Program TREON yang berlangsung pada 22 Oktober 2024 di UiTM Cawangan Kelantan, Kampus Machang, berjaya mencapai objektif utama untuk melahirkan mahasiswa seimbang dari segi akademik, sahsiah, dan rohani. Program ini turut menggalakkan penglibatan dalam kesukarelawanan, sukan, dan aktiviti kreatif. Penglibatan MyFundAction sebagai rakan kerjasama memberi dimensi kebajikan dengan penerimaan sumbangan daripada yuran pendaftaran larian bagi menyokong usaha global, khususnya untuk Palestin.

MyFundAction turut mempromosikan kesedaran tentang kepentingan sukarelawan melalui booth di FESKO ke-16 yang menarik minat mahasiswa untuk terlibat dalam aktiviti NGO mereka. Program ini juga memperkenalkan inovasi baharu dengan penggunaan laman web Gamma untuk pendaftaran peserta, yang memberi inspirasi kepada organisasi lain di UiTM.

Walaupun program berjalan lancar dan mencapai objektifnya, terdapat cabaran dalam pengurusan logistik yang perlu diperbaiki. Cadangan penambahbaikan termasuk meningkatkan komunikasi antara biro, memaklumkan keperluan logistik lebih awal, dan mengadakan mesyuarat lebih awal antara jawatankuasa penganjur.

Secara keseluruhannya, program TREON memberikan impak besar kepada mahasiswa UiTM dalam pelbagai aspek dan menjadi inspirasi untuk penganjuran program serupa pada masa akan datang.






Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# MALAM GALAU 2024










Program Malam Galau 2024 diadakan pada 11 November di UiTM Cawangan Kelantan bertujuan meningkatkan kesedaran tentang kesihatan mental dan kesejahteraan emosi pelajar. Aktiviti utama ialah konsert hiburan dengan Hael Husaini, Luqman Faiz, dan Reedzwan, disertai dengan sesi perkongsian mengenai kesihatan mental. Program ini mendapat sambutan positif dengan penyertaan aktif pelajar. Walaupun berjaya, terdapat cabaran seperti kekangan masa dan pengurusan kerja yang kurang cekap. Untuk penambahbaikan, disarankan mempercepatkan persediaan, meningkatkan pengurusan masa, dan merancang logistik dengan lebih teliti. Program ini melibatkan AJK, artis jemputan, dan pelajar sebagai peserta, dengan potensi memberi impak lebih besar pada masa hadapan.






UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# *ROAD TO JANNAH* : KURSUS PRAPERKAHWINAN ISLAM








Program *Road to Jannah*: Kursus Praperkahwinan Islam adalah kolaborasi antara Jawatankuasa Perwakilan Kolej Tun Hussein Onn (JPK THO) UiTM bersama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) telah diadakan pada 8 dan 9 November 2024 yang disertai oleh 180 peserta. Program berbentuk akademik / ilmiah dan kerohanian seperti perkongsian ilmu agama Islam yang amat digalakkan kepada seluruh mahasiswa UiTM Cawangan Kelantan. Dengan ini, JPK THO telah menganjurkan program *Road To Jannah*: Kursus Praperkahwinan Islam kepada seluruh mahasiswa UiTM Cawangan Kelantan. Sasaran utama program ini adalah untuk menambah ilmu pengetahuan mahasiswa dalam aspek perkahwinan. Selain itu, mahasiswa dapat meningkatkan kemahiran dalam mengendalikan pengurusan nikah, cerai dan rujuk secara sistematik serta dapat memberi panduan tentang cara untuk menguruskan proses perkahwinan dari permohonan pernikahan sehingga ke hari pernikahan.







JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUN HUSSEIN ONN DAN JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI KELANTAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# CAPTURE THE FUN: YOUR EVENT, YOUR STORY


















Program ini merupakan salah satu inisiatif untuk menzahirkan bakat-bakat pelajar dalam bidang videografi yang sekarangnya menjadi salah satu elemen penting pada masa kini. Ia juga memberi semangat kepada pelajar untuk bersaing antara satu sama lain dalam usaha mencipta kenangan yang indah semasa berada di UiTM Machang.

**BULETIN**

# ANNUAL GENERAL MEETING








Program Annual General Meeting (AGM) ini merupakan agenda tahunan rasmi yang dilaksanakan oleh Members of Bachelor In Accountancy (MemBACCs) yang melibatkan pelajar Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (AC220). Agenda ini menjadi platform bagi MemBACCs untuk merangka dan merencana strategi serta program bagi meningkatkan lagi kualiti dan prestasi organisasi. Program ini diadakan di AUD300, UiTMCK pada 9 Januari 2025 serta melibatkan 2 orang penasihat persatuan, 16 ahli jawatankuasa dan 557 orang Mahasiswa AC220.





BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# ANNUAL GENERAL MEETING








TARIKH : 22 DISEMBER 2024 (AHAD)
MASA : 8:00 PAGI HINGGA 12:00 TENGAH HARI
TEMPAT : AUD200, BLOK D, UITM Cawangan Kelantan Kampus Machang
KEHADIRAN KOMANDER : 108 ORANG
PERASMI : Lt. Kol (Kest) Khairul Anuar Ab Hamid

TUJUAN PROGRAM INI ADALAH UNTUK MEMBINCANGKAN LAPORAN TAHUNAN AKTIVITI, PERANCANGAN MASA DEPAN, MEMPERKUKUHKAN ORGANISASI MAJLIS PERWAKILAN KOMANDER DENGAN MELANTIK PENTADBIRAN BAHARU BAGI SESI AKAN DATANG. DENGAN BERLANGSUNGNYA PROGRAM INI, IA DAPAT MENCERMINKAN KOMITMEN KOMANDER DALAM MEMPERKASAKAN DAN MEMARTABATKAN NILAI INTEGRITI DAN KEPIMPINAN SERTA KECEMERLANGAN DALAM KALANGAN AHLINYA





BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# MATH CLINIC: AIM FOR A+








PROGRAM *MATH CLINIC: AIM FOR A+* INI DIANJURKAN OLEH PERSATUAN *DIPLOMA IN QUANTITATIVE OF SCIENCE MATHEMATICS ASSOCIATION* (DIQMA) INI DIADAKAN PADA 11 JANUARI 2025 BERTEMPAT DI AUD200, BLOK D, UITM CAWANGAN KELANTAN, KAMPUS MACHANG. PROGRAM INI BERTUJUAN UNTUK MEMBANTU PELAJAR-PELAJAR CDCS143 MENGULANGKAJI SUBJEK MAT133 DAN MAT233 UNTUK MENDAPAT KEPUTUSAN YANG CEMERLANG DALAM PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER OKTOBER 2024 -FEBRUARI 2025 SERTA MEMBERI PENDEDAHAN DAN MENINGKATKAN KECEKAPAN PELAJAR CDCS143 UNTUK MENJAWAB SOALAN PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER MENGIKUT KRITERIA PEMARKAHAN YANG BETUL DAN MENYUNTIK SEMANGAT DAN MOTIVASI PELAJAR UNTUK MELAKUKAN YANG TERBAIK DALAM MENJAWAB PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER.





BULETIN

**PERSATUAN *DIPLOMA IN QUANTITATIVE OF SCIENCE MATHEMATICS ASSOCIATION***

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# CASHLESS REVOLUTION: GAIN OR VAIN ?








Program ini memberi banyak impak dalam kalangan mahasiswa tentang menguruskan kewangan dan menambah ilmu baharu tentang bagaimana kewangan ini perlu diuruskan dengan baik supaya tidak ada sebarang penyelewengan berlaku. Hal ini, mahasiswa lebih cakna dan memahami cara untuk menjadi seorang mahasiswa yang bijak dalam melabur, penyimpanan serta menggunakan aplikasi perbankan yang bijak.





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# MENTOR MENTEE








Pada 11 Januari 2025 bersamaan dengan hari Sabtu, *Member of Bcholar in Science Mathematics (MOBISM)* telah mengadakan program *Mentor Mentee Calculus 3* yang bertempat di D201, D202, D203 & D204 Blok D UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang. Program ini disertai oleh 39 orang pelajar semester 3 CDCS249.

Program ini berlangsung pada jam 8:15 pagi dan berakhir pada jam 12:45 tengah hari. Program ini diadakan untuk menjadi satu platform dalam memperkenalkan proses pembelajaraan berbeza bagi mengukuhkan pemahaman terhadap subjek Calculus 3. Selain itu, program ini juga ingin memperkasakan kebolehpasaran mahasiswa di masa depan bagi meningkatkan daya dalam kerjaya terutama dalam bidang sains dan akademik.





BULETIN

MEMBER OF BACHELOR IN SCIENCE MATHEMATICS (MOBISM)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# DRUM&DANCE ZUMBA








Program Drum&Dance Zumba ini merupakan program sukan dan rekreasi yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej Tunku Abdul Rahman. Ini merupakan program zumba pertama yang dijalankan di Uitm dengan menggunakan stick pound. Objektif zumba ini adalah untuk menarik minat mahasiswa untuk lebih bersenam dan mengekalkan gaya hidup yang sihat.





BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# ANNUAL GENERAL MEETING "FICTION COMES ALIVE"








SINOPSIS PROGRAM

*ANNUAL GENERAL MEETING "FICTION COMES ALIVE"* merupakan sebuah program di bawah Persatuan *Intellectual Dynamic Business Society* (INDYBS) UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang. Program ini bertujuan untuk meraikan barisan mantan Majlis Tertinggi, *Exco* dan Ahli Jawatankuasa *Intellectual Dynamic Business Society* dan merapatkan hubungan antara ahli kelab (INDYBS)serta memberi peluang kepada pelajar untuk mencipta kenangan manis bersama-sama. Program ini akan berlangsung selama satu hari iaitu 11 Januari 2025 pada hari Sabtu bermula 11.00 pagi hingga 3.00 petang di Selera Tepi Sungai, Tanah Merah, Kelantan.





BULETIN

*INTELLECTUAL DYNAMIC BUSINESS SOCIETY* (INDYBS)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# MALAM BERSAMA STAF RESIDEN KOLEJ

Malam Bersama Staf Residen Kolej merupakan program anjuran Jawatankuasa Perwakilan Kolej Tun Dr. Mahathir dengan kerjasama Jawatankuasa Perwakilan Kolej Tun Abdul Razak yang telah diadakan pada 9 Oktober 2024, dari jam 8:00 malam hingga 11:00 malam yang bertempat di Dewan Profesional, UiTM Cawangan Kelantan, Kampus Machang.

Program ini bertujuan memperkenalkan Staf Residen Kolej (SRK) kepada para penghuni kolej serta membina hubungan mesra antara staf dan pelajar. Program ini juga memfokuskan kepada penerangan SOP baharu serta peraturan yang perlu dipatuhi di kolej kediaman. Selain itu, program ini menyediakan platform kepada penghuni untuk melibatkan diri dalam aktiviti bermanfaat. Seterusnya, memupuk semangat kebersamaan dalam kalangan komuniti kolej.














BULETIN

JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUN DR. MAHATHIR DENGAN KERJASAMA
JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ TUN ABDUL RAZAK

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# NAVIGATING YOUR ACCOUNTING JOURNEY WITH FACULTY OF ACCOUNTANCY 2.0



POSTER PROGRAM


GAMBAR VVIP


GAMBAR AJK

Fakulti Perakaunan UiTMCK dengan kerjasama MARA University of Technology Accountancy Society (MUTAC), Members of Bachelor in Accountancy Society (MemBACCs) dan Unit Kerjaya dan Kaunseling UiTMCK, telah berjaya menganjurkan program Navigating Your Accounting Journey with Faculty of Accountancy 2.0 yang bertempat di AUD300, UiTMCK. Program ini dianjurkan bertujuan sebagai sesi pengenalan Fakulti Perakaunan kepada mahasiswa baru Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (AC220) dan mahasiswa Diploma Perakaunan (AC110) kemasukan sesi Oktober2024-Februari2025. Program ini melibatkan seramai 311 orang iaitu 120 mahasiswa baharu AC220, 152 orang mahasiswa baharu AC110, 28 orang jawatankuasa program dan 11 orang yang terdiri daripada penasihat persatuan, penceramah jemputan dan tetamu kehormat.


GAMBAR PERASMI


GAMBAR PROGRAM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# ANNUAL GREETING MEETING 23/24








Program ini bertujuan untuk membentangkan aktiviti dan pencapaian UiTM Click Club (U'CliCb) sepanjang sesi 2023/2024 serta memperkenalkan Jawatankuasa Kerja baharu bagi sesi 2024/2025. Di samping itu, program ini bertindak sebagai platform untuk menyusun dan memperkemaskan struktur organisasi kelab agar pengurusan dalaman menjadi lebih sistematik dan kukuh. Melalui program ini, matlamat baharu dan tanggungjawab setiap ahli dalam peranan mereka akan ditetapkan, memastikan mereka terus menyumbang kepada pembangunan kelab. Selain itu, usaha untuk meningkatkan komunikasi dan kerjasama dalam kalangan ahli akan diterapkan bagi memastikan aliran maklumat yang lebih efisien dan penyelesaian masalah yang cepat. Program ini diharap dapat memperkukuh kedudukan UiTM Click Club sebagai sebuah kelab yang aktif dan dinamik.





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# UJIAN KENAIKAN PANGKAT DAN MAJLIS KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI KADET SISPA (PKS)








Pada 20 Disember 2024, telah berlangsungnya Ujian Kenaikan Pangkat Pegawai Kadet SISPA (PKS) bertempat di parkir kereta kolej TDM, UiTM Cawangan Kelantan dan Majlis Kenaikan Pangkat Pegawai Kadet SISPA (PKS) pula diadakan pada 13 Januari 2025 di AUD300, Blok D, UiTM Cawangan Kelantan.

Tujuan Ujian Kenaikan Pangkat dan Majlis Kenaikan Pangkat ini diadakan adalah untuk meningkatkan kebolehan secara praktikal dalam diri Pegawai Kadet SISPA (PKS) Muda dan memberi penghargaan atas kejayaan kepada 19 orang PKS Muda yang telah lulus dalam Ujian Kenaikan Pangkat.





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# TEMU DUGA SEKRETARIAT HAC 2024








**SINOPSIS PROGRAM**

Temu Duga Sekretariat High Achievers' Club (HAC) 2024 merupakan program yang telah dianjurkan oleh High Achievers' Club ( HAC ) UiTM Cawangan Kelantan. Objektif program adalah untuk menarik lebih ramai ahli baharu untuk menyertai kelab bagi meningkatkan bilangan ahli yang akan membawa pelbagai latar belakang, kemahiran, dan pandangan serta dapat memperkayakan aktiviti kelab.

Program ini juga telah berjaya dilaksanakan dengan penglibatan seramai 23 orang peserta yang telah mendaftar. Program berlangsung dari pukul 4:00 petang hingga 5:30 petang.

Aktiviti dimulakan dengan kehadiran calon temu duga sekretariat High Achievers' Club dan sesi penerangan ringkas berkaitan sesi temu duga yang akan dijalankan. Kemudian, sesi temu duga dijalankan. Akhir sekali, sesi temu duga semua calon selesai dan bersurai.

Akhir kata, program ini telah berjaya dijalankan dengan lancar walaupun terdapat banyak kekurangan dan kelemahan. Kami berharap agar objektif kami untuk memberi peluang mengenal kelab di kalangan pelajar universiti, seterusnya memperluaskan pengaruh dan populariti kelab di kampus.





BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# ANNUAL GENERAL MEETING 2024 : 'MOMENTS TO MEMORIES'









## SINOPSIS PROGRAM

*Annual General Meeting 2024 : Moments To Memories* merupakan program yang telah dianjurkan oleh High Achievers' Club ( HAC ) UiTM Cawangan Kelantan. Objektif program adalah bertujuan untuk melaksanakan sesi pelantikan ahli jawatankuasa kepimpinan baharu kelab bagi sesi 2024/2025 dan mengeratkan lagi hubungan antara setiap ahli dan sekretariat agar semangat bekerjasama dapat dibina bagi merealisasikan visi dan misi kelab.

Program ini juga telah berjaya dilaksanakan dengan penglibatan seramai 20 orang Majlis Tertinggi dan Exco, 47 orang sekretariat dan seorang penasihat. Program berlangsung dari pukul 8:30 malam hingga 11:15 malam.

Aktiviti dimulakan dengan ketibaan ahli Jawatankuasa HAC dan para VIP. Seterusnya, ucapan daripada Presiden HAC sesi 23/24 dan Penasihat HAC. Kemudian, persembahan daripada sekretariat HAC, tayangan video imbas kembali dan pembahagian hadiah serta sijil kepada barisan kepimpinan HAC sesi 23/24. Diteruskan lagi dengan sesi makan malam, video pelantikan kepimpinan baharu HAC sesi 24/25 dan penyampaian watikah pelantikan. Selain itu, penyampaian cenderamata dan ucapan daripada Presiden HAC sesi 24/25. Majlis diakhiri dengan sesi bergambar dan bersurai.

Akhir kata, program ini telah berjaya dijalankan dengan lancar dan meriah walaupun terdapat banyak kekurangan dan kelemahan. Kami berharap agar objektif kami mengeratkan lagi hubungan antara setiap ahli tercapai dan nama kelab dapat meningkat naik dengan barisan kepimpinan yang baharu.






BULETIN

HIGH ACHIEVERS' CLUB (HAC)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# HARI BERSAMA AHLI








**SINOPSIS PROGRAM**

Hari Bersama Ahli merupakan program yang telah dianjurkan oleh High Achievers' Club (HAC) UiTM Cawangan Kelantan. Objektif utama program ini diadakan adalah untuk meraikan kehadiran serta memastikan ahli-ahli baharu High Achievers' Club merasa disambut dan diterima dengan baik ke dalam kelab.

Program ini telah berjaya dilaksanakan dengan penglibatan seramai 49 orang peserta. Program ini berlangsung dari pukul 8:30 malam hingga 10:20 malam.

Aktiviti dimulai dengan pendaftaran peserta. Sejurus itu program dimulakan dengan ucapan daripada penasihat High Achievers' Club dan diteruskan dengan aktiviti Mimic Cue. Kemudian, sesi bergambar dan sesi mengimbas Qr e-merit dilakukan pada jam 10:20 malam

Akhir kata, program ini telah berjaya dijalankan dengan lancar walaupun terdapat banyak kekurangan dan kelemahan. Kami berharap agar objektif kami untuk meraikan kehadiran serta memastikan ahli-ahli baharu High Achievers' Club merasa disambut dan diterima dengan baik ke dalam kelab tercapai.





BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# ANNUAL GENERAL MEETING & FAREWELL DINNER












PROGRAM ANNUAL GENERAL MEETING (AGM) & FAREWELL DINNER ADALAH ACARA TAHUNAN YANG BERTUJUAN UNTUK MERUMUSKAN PENCAPAIAN DAN PERKEMBANGAN ORGANISASI SEPANJANG TAHUN, DI SAMPING MENYAMPAIKAN PERANCANGAN STRATEGIK UNTUK TAHUN MENDATANG. AGM AKAN MENJADI PLATFORM UNTUK BERBINCANG SECARA TELUS MENGENAI PRESTASI ORGANISASI, MELIBATKAN LAPORAN KEWANGAN DAN HALA TUJU MASA DEPAN. SETERUSNYA, MAJLIS DITERUSKAN DENGAN FAREWELL DINNER YANG DIRANGKA UNTUK MENGHARGAI JASA DAN SUMBANGAN KEPADA KEPIMPINAN DAN SEKRETARIAT LAMA D'BANQUERS YANG BAKAL MENINGGALKAN ORGANISASI, DIIRINGI DENGAN JAMUAN MAKAN MALAM, UCAPAN PENGHARGAAN DAN PERSEMBAHAN ISTIMEWA BAGI MENGERATKAN HUBUNGAN ANTARA PESERTA.






BULETIN

PERSATUAN D'BANQUERS

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# ANNUAL GENERAL MEETING








PROGRAM 'ANNUAL GENERAL MEETING' INI MERUPAKAN PROGRAM YANG DIANJURKAN OLEH KELAB PROSIS YANG BERLANGSUNG PADA 11 JANUARI 2025 (SABTU) PADA JAM 9:00 PAGI HINGGA 11:00 PAGI. PROGRAM INI ADALAH PROGRAM TAHUNAN YANG WAJIB DILAKUKAN OLEH SETIAP KELAB DI UITM. PROGRAM INI BERTUJUAN UNTUK MEMBUBARKAN JAWATANKUASA KERJA SESI 23/24 DAN MENYELARASKAN PERWAKILAN BAHARU BAGI SESI 24/25. PERANAN UTAMA PROGRAM INI ADALAH UNTUK MELANTIK DAN MEMPERKENALKAN JAWATANKUASA KERJA BAHARU UNTUK KEPIMPINAN SESI 24/25. SELAIN ITU, PROGRAM INI DIANJURKAN BERTUJUAN UNTUK MENGERATKAN LAGI HUBUNGAN SESAMA AHLI BAGI MENJAMIN KEHARMONIAN KELAB.





BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# ANNUAL GENERAL MEETING








PROGRAM INI ADALAH UNTUK MEMBENTANGKAN AKTIVITI DAN PERKEMBANGAN KELAB IMAN SESI 2023/2024. DI SAMPING ITU, PROGRAM INI ADALAH UNTUK MEMPERKENALKAN JAWATANKUASA KERJA IMAN BAGI SESI 2024/2025. PROGRAM INI DAPAT MEMBERI PELUANG KEPADA PELAJAR UNTUK MEMPELAJARI ILMU KEPIMPINAN SEKALIGUS MEMUPUK SEMANGAT BEKERJASAMA ANTARA PELAJAR DENGAN INDIVIDU LAIN.





BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PROGRAM HARI BERSAMA AHLI










Hari Bersama Ahli (HBA) adalah program rutin PSSGM UiTM Machang yang menghimpunkan ahli baharu dan lama, jawatankuasa, penasihat, serta gurulatih. Program ini bertujuan memperkenalkan organisasi, berkongsi aktiviti yang telah dirancang, dan mengeratkan silaturahim antara ahli.

HBA menjadi platform untuk membina semangat kekeluargaan sambil memartabatkan seni silat warisan Melayu.






BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# KURSUS BELA DIRI: MENGHADAPI ANCAMAN PISAU









"Kursus Bela Diri: Menghadapi Ancaman Pisau" adalah program khas yang bertujuan untuk berkongsi ilmu kepada pelajar UiTM tentang menghadapi situasi ancaman melibatkan senjata pisau. Melalui sesi pengajaran oleh penceramah berpengalaman dan latihan praktikal oleh peserta, program ini menawarkan kemahiran seni pertahanan diri yang praktikal dan berkesan. Berbeza daripada bengkel pertahanan diri yang lain, kursus ini memberi tumpuan khusus kepada ancaman pisau, menjadikannya satu pengalaman pembelajaran yang unik dan relevan untuk meningkatkan kesedaran dan keselamatan diri.





BULETIN

PERSATUAN SILAT SENI GAYONG MALAYSIA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# COME, SEE AND LEARN TOGETHER




**SINOPSIS PROGRAM**

***Come, See and Learn Together*** **merupakan program yang telah dianjurkan oleh High Achievers' Club (HAC) UiTM Cawangan Kelantan. Objektif utama program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada exco-exco setiap kelab tentang kepentingan cara berkorporat dengan betul.**

**Program ini telah berjaya dilaksanakan dengan penglibatan seramai 50 orang peserta. Program ini berlangsung dari pukul 8:30 pagi hingga 12:00 tengah hari.**

**Aktiviti dimulai dengan pendaftaran peserta. Sejurus itu program dimulakan dengan ucapan daripada penasihat High Achievers' Club dan diteruskan dengan sesi ceramah. Kemudian, sesi pertanyaan soalan oleh peserta dan sesi penyampaian cenderahati kepada penceramah. Program ini berakhir dengan sesi bergambar dan bacaan Doa Rabitah.**

**Akhir kata, program ini telah berjaya dijalankan dengan lancar walaupun terdapat banyak kekurangan dan kelemahan. Kami berharap agar objektif untuk meningkatkan ketelitian melakukan kerja berkorporat dengan betul di dalam kelab tercapai.**









BULETIN

**HIGH ACHIEVERS' CLUB (HAC)**

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# ANNUAL GENERAL MEETING JAWATANKUASA SUKAN PELAJAR SESI 2024












**SINOPSIS PROGRAM**

**Program ini dianjurkan adalah untuk mengadakan pelantikan Jawatankuasa baru untuk semester yang akan datang. seterusnya, program ini bertujuan untuk membentangkan semua laporan kewangan, aktiviti, dan pencapaian kelab sepanjang tahun dan sekaligus memberi peluang untuk mengiktiraf serta menghargai sumbangan dan pencapaian persatuan.**

**program ini dihadiri oleh 5 orang VVIP serta 37 orang ahli Jawatankuasa Sukan Pelajar.**

BULETIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# ANNUAL GENERAL MEETING








Program ini bertujuan memperkenalkan barisan kepimpinan baharu, menghargai mantan ahli, mengasah kemahiran kerja berpasukan, membina kepimpinan mahasiswa, dan menyediakan platform untuk ahli menyuarakan idea serta meningkatkan kualiti pentadbiran kelab.






UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PENCARIAN SEKRETARIAT







Program ini merupakan program anjuran Jawatankuasa Perwakilan Non Residen untuk mahasiswa dan mahasiswi UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang. Program ini diadakan bertujuan untuk mengenal pasti dan mencari mahasiswa UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang yang berminat dan berpotensi untuk menjadi pelapis kepada pimpinan sedia ada untuk meneruskan legasi kepimpinan Jawatankuasa Perwakilan Non Residen pada masa akan datang dengan berpengetahuan dan berpengalaman.





Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# MUTAC: ANNUAL GENERAL MEETING (AGM)








MARA UNIVERSITY OF TECHNOLOGY ACCOUNTANCY SOCIETY (MUTAC) BERJAYA MENGANJURKAN ANNUAL GENERAL MEETING (AGM) BERTEMPAT DI DEWAN PROFESIONAL, UITMCK. PROGRAM INI BERTUJUAN MEMBENTANGKAN AKTIVITI SEPANJANG SESI 2023/2024, MELANTIK JAWATANKUASA KERJA BAHARU BAGI SESI 2024/2025, SERTA MERANGKA MATLAMAT DAN TANGGUNGJAWAB KELAB UNTUK LEBIH EFISIEN. SERAMAI 128 PESERTA HADIR, TERMASUK MAHASISWA, JAWATANKUASA PROGRAM, PENASIHAT, DAN TETAMU KEHORMAT.





BULETIN

MARA UNIVERSITY TECHNOLOGY ACCOUNTANCY OF SOCIETY (MUTAC)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# ANNUAL GRAND MEETING KELAB TAEKWONDO WT












**SINOPSIS PROGRAM**

Annual Grand Meeting Kelab Taekwondo WT akan diadakan bagi melantik ahli jawatankuasa yang baharu. Ahli jawatankuasa ini akan mengambil alih tanggungjawab yang sebelum ini dipegang oleh ahli jawatankuasa yang lama. Annual Grand Meeting ini akan diadakan pada 10 Januari 2025 yang bertempat di HRDA, UiTM Cawangan Kelantan. Kesemua ahli-ahli kelab akan mencalonkan ahli-ahli baru mahupun yang lama untuk mereka memegang jawatan tersebut berdasarkan kelayakan mereka.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# ANNUAL GENERAL MEETING MOBISM : " A LIVING LEGACY "








Pada 13 Januari 2025 bersamaan dengan hari Isnin, *Member of Member Of Bachelor In Science Mathematics* (MOBISM) telah mengadakan program *Annual General Meeting* MOBISM : " *A LIVING LEGACY* " yang bertempat di *Premier Lounge* UiTM Cawangan Kelantan. Program ini disertai oleh pelajar persatuan *Member of Member Of Bachelor In Science Mathematics* (MOBISM).

Program ini berlangsung pada jam 8:30 malam dan berakhir pada jam 10:45 malam. Program ini bertujuan untuk meraikan pelantikan kepimpinan MOBISM sesi 2024/2025 dan menghargai sumbangan ahli sesi 2023/2024. Selain itu, program ini juga memberi motivasi kepada kepimpinan baharu untuk memajukan kelab MOBISM ke ke arah yang lebih gemilang.





BULETIN

Universiti Teknologi MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# PRA-GRADUASI PELAJAR CS249: "ECHOES OF THE PAST"








Pada 16 Januari 2024, iaitu pada hari Khamis, *Member of Bachelor in Science Mathematics* (MOBISM) telah mengadakan program Pra-Graduasi Pelajar CS249: "*Echoes of The Past*" bersama para pensyarah dari Fakulti Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, yang bertempat di Selera Tepi Sungai, Tanah Merah. Program ini disertai khusus oleh pelajar CDCS249 semester 6, UiTM Cawangan Kelantan, Kampus Machang.

Program ini berlangsung pada jam 7:45 petang dan berakhir pada 10:45 malam. Program ini menjadi salah satu platform untuk merapatkan ukhuwwah antara pelajar dan para pensyarah, selain menjadi tempat untuk meraikan pelajar CS249 atas segala usaha gigih mereka menjelang detik-detik akhir pengajian. Program ini juga memberikan kesan emosi apabila mampu menggamit kembali semua memori dan kenangan indah yang dicipta bersama.





BULETIN

MEMBER OF BACHELOR IN SCIENCE MATHEMATICS (MOBISM)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Bahagian Hal Ehwal Pelajar

# MATH CLINIC: AIM FOR A+








PROGRAM *MATH CLINIC: AIM FOR A+* INI DIANJURKAN OLEH PERSATUAN *DIPLOMA IN QUANTITATIVE OF SCIENCE MATHEMATICS ASSOCIATION* (DIQMA) INI DIADAKAN PADA 11 JANUARI 2025 BERTEMPAT DI AUD200, BLOK D, UITM CAWANGAN KELANTAN, KAMPUS MACHANG. PROGRAM INI BERTUJUAN UNTUK MEMBANTU PELAJAR-PELAJAR CDCS143 MENGULANGKAJI SUBJEK MAT133 DAN MAT233 UNTUK MENDAPAT KEPUTUSAN YANG CEMERLANG DALAM PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER OKTOBER 2024 -FEBRUARI 2025 SERTA MEMBERI PENDEDAHAN DAN MENINGKATKAN KECEKAPAN PELAJAR CDCS143 UNTUK MENJAWAB SOALAN PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER MENGIKUT KRITERIA PEMARKAHAN YANG BETUL DAN MENYUNTIK SEMANGAT DAN MOTIVASI PELAJAR UNTUK MELAKUKAN YANG TERBAIK DALAM MENJAWAB PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER.





BULETIN

PERSATUAN *DIPLOMA IN QUANTITATIVE OF SCIENCE MATHEMATICS ASSOCIATION*